

LAPORAN TAHUNAN DARUL QURAN JAKIM TAHUN 2018

BULAN JANUARI

PENDAFTARAN PELAJAR TRANSISI MTQN PERLIS KE DARUL QURAN

Seramai 19 orang pelajar transisi Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Perlis telah sampai ke Darul Quran Jakim dengan menaiki bas Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) sekitar jam 5:30 petang pada 9 Januari 2018. Daripada jumlah tersebut, seramai sembilan orang pelajar semester dua, empat orang pelajar semester empat dan enam orang pelajar semester enam. Simbolik penyerahan pelajar MTQN Perlis berserta dokumen mereka ke Darul Quran juga turut diadakan pada petang tersebut. Usai penyerahan tersebut, para pelajar tersebut telah membuat pendafrtan asrama dan telah diberikan bilik-bilik penginapan.

Para pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran MTQN Perlis ini dipindahkan ke kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu berikutan keputusan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) menyerahkan tadbir urus MTQN Perlis kepada KUIPs berkuatkuasa 1 Januari 2018 dan terdapat halangan untuk KUIPs menjalankan operasi MTQN Perlis memandangkan syarat daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) agar Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim perlu memperolehi akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sesi Pendaftaran dan Taklimat Pengajian Pelajar Transisi MTQN Perlis Ke Darul Quran telah diadakan pada keesokan harinya bermula jam 8:30 pagi. Sesi tersebut telah diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Nor. Ucapan aluan dan taklimat telah diberikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali dan Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman bin Yaacob. Seterusnya taklimat dimulakan dengan wakil daripada Jabatan Tahfiz, Unit Akademik, Unit Disiplin, Unit Kemasukan, Biasiswa & Graduasi serta Unit Kaunseling. Sesi ini berakhir pada jam 12.30 tengahari dengan majlis bacaan ikrar oleh para pelajar.



“SAUDARA BAHARU” DAN ORANG ASLI BAKAL PENGHAFAZ AL-QURAN DI DQ

Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM Sesi 2018/2019 Dan Sijil Asas Tahfiz Al-Quran Sesi 2018

Darul Quran Jakim sekali lagi melakar sejarah apabila pada tahun ini, Darul Quran telah memperkenalkan Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran bagi kategori baru iaitu kategori “saudara baharu” dan kategori etnik keturunan Orang Asli. Program Sijil Asas Tahfiz ini merupakan penjenamaan semula kepada Program Pensijilan Tahfiz OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan) yang dijalankan oleh Darul Quran sejak tahun 2008. Program ini mula dikembangkan pada tahun 2017 apabila Darul Quran telah membuka tawaran kepada calon pelajar kategori Pelajar Luar Negara Minoriti Muslim.

Tan Mike Foong, Muhammad Khairul Hisyam Chin Abdullah, Analin binti Mohd Abdullah, Zaiton binti Raitom, Faiz Ella Fazira binti Dahlan, Suznie binti Jasni dan Nur Adriana binti Akang merupakan pelajar-pelajar yang ditawarkan tempat bagi kategori “saudara baharu” selain saudari Sofia Norlita binti Anjang daripada kategori etnik keturunan Orang Asli serta Nur Shafina binti Ros Azizi daripada kategori OKU Penglihatan.

Semua pelajar ini telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM Sesi 2018/2019 Dan Sijil Asas Tahfiz Al-Quran Sesi 2018 yang diadakan pada 18 Januari 2018 bertempat di Dewan Muktamar Darul Quran. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar yang mewakili Ketua Pengarah Jakim.

Sementara itu, bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM pula, Darul Quran telah menerima 1,545 permohonan kemasukan pelajar dari seluruh Malaysia pada tahun ini. Daripada jumlah tersebut, 374 calon yang layak untuk ditemuduga. Seramai 326 calon telah menghadiri sesi temuduga yang diadakan di tiga pusat temuduga iaitu di Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah dan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak. Daripada semua jumlah di atas, Darul Quran hanya menerima kemasukan bagi 140 orang pelajar sahaja iaitu 80 orang pelajar lelaki dan 60 orang pelajar perempuan.

Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM merupakan usaha Jakim khususnya Darul Quran dalam melahirkan golongan huffaz profesional seperti doktor yang hafiz, jurutera yang hafiz, ahli farmasi yang hafiz dan sebagainya. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun

2000 dan sehingga kini, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM ini telah melahirkan seramai 1,502 orang graduan.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah Bahagian Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar, International Islamic University Malaysia (IIUM), Prof. Madya Dr. Gairuzazmi bin Mat Ghani, Ustaz Md Zaki bin Ab Manan dan En. Abd Razak bin Ab. Rashid selaku Pengurus Projek Waqaf Maar Integrated & Solution. Semua pelajar-pelajar baru ini telah dihadiahkan dengan mushaf al-Quran Qiraat Waqaf oleh Yayasan Muslimin.





LAWATAN PELAJAR SYUKBAH DAKWAH DQ KE SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH (SBJK)

Seramai 35 orang pelajar semester empat Syukbah Dakwah Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran telah berjaya mengadakan program Explore The Golden Generation di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Kuala Lumpur pada 18 Januari 2018. Program yang disertai oleh dua orang guru pengiring ini merupakan anjuran pelajar-pelajar semester empat Syukbah Dakwah dengan kerjasama Jabatan Pengajian Usuluddin Darul Quran.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk mendalami kehidupan anak-anak fitrah yang serba kekurangan, memberikan semangat dan dorongan kepada anak-anak fitrah bahawa masih ada yang masih menyayangi mereka dan mengaplikasikan konsep komunikasi yang terbaik dalam bergaul dengan masyarakat sekeliling.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bersama pelajar di dewan ialah seperti *ice breaking*, *explorace*, membuat binaan model rumah dengan menggunakan tanah liat, lakonan dan kolaj. Program ini diakhiri dengan majlis penutup dan sesi penyampaian hadiah.





BENGGEL PENYELARASAN AKADEMIK ANTARA DQ DENGAN IPTA

Pada 30 Januari 2018, Darul Quran Jakim telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Akademik dengan wakil-wakil enam Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Bengkel ini telah diadakan di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi.

Idea pelaksanaan bengkel ini terhasil daripada keputusan lawatan-lawatan kerja yang diadakan oleh DQ ke IPTA-IPTA tersebut sebelum ini. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah sebagai langkah penyeragaman dan persetujuan dalam perbincangan untuk memindahkan jam kredit bagi pelajar Diploma lepasan DQ yang bakal menyambung pengajian ke IPTA di Malaysia khususnya di UM, UKM, UUM, UPSI, UPNM dan UiTM. Melalui bengkel ini, wakil-wakil dari enam buah universiti ini dapat menilai serta menganalisa silibus dan modul pengajian yang digunakan oleh DQ bagi proses pemindahan jam kredit.

Berdasarkan pengalaman terdahulu DQ bersama dengan pihak USIM, hasil persetujuan bersama yang dimeterai dalam MoA antara kedua institusi, DQ dan USIM berjaya memendekkan tempoh pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah dari empat tahun menjadi hanya tiga tahun pengajian sahaja. Kaedah inilah yang hendak dilaksanakan bersama-sama dengan enam institusi yang hadir dalam bengkel tersebut.

Wakil-wakil universiti yang terlibat dalam bengkel ini ialah:

- UM : Puan Hafilda dan Cik Siti Nor Zana
- UKM : Prof. Madya Dr. Roziah Sidik @ Mat Sidek, Dr. Mat Noor bin Mat Zain, Dr. Rosmawati binti Mohammad Rasit dan Dr. Hamdi bin Ishak
- UUM : Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain
- UPSI : Prof. Dr. Mohd Noor bin Daud, Prof. Madya Dr. Abd Rahman bin Abd Ghani dan Dr. Muhamad Marzuqi bin Abd Rahim
- UPNM : Encik Mohd Hafizi bin Ismail dan Encik Muhammad Ridwan bin Hashim
- UiTM : Dr. Zulekha binti Yusoff dan Dr. Kamariah binti Yusoff



BULAN FEBRUARI

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN TAHUN 2018/1439

Seramai 233 orang pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran bagi Tahun 2018/1439. Majlis yang diadakan pada 3 Februari 2018 ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 19 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh para pensyarah tasmi' pelajar semester enam iaitu Ustaz Mohd Najib bin Abdul Ghapar, Ustaz Sukhairu bin Sulaiman dan Ustaz Mohd Fazli bin Ibrahim.

Seterusnya majlis diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah Jakim sesuai ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Tan Sri Dato' Othman yang dalam ucapan perasmianya telah menyampaikan empat amanat utama kepada para pelajar iaitu agar para pelajar berusaha untuk mengekalkan hafazan 30 juzu', meneliti dan membaca terjemahan al-Quran, meningkat kualiti diri serta sentiasa mengekalkan jenama al-hafiz dalam diri.

Pada tahun ini terdapat beberapa anugerah baru yang turut disampaikan di samping Anugerah Pensyarah Cemerlang serta Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang. Semua anugerah-anugerah ini telah disampaikan oleh Tan Sri Dato' Othman yang diiringi oleh Dr. Haji Nordin. Senarai penerima anugerah adalah seperti berikut:

- Anugerah Buku Tahriri Tulisan Tangan 30 Juzu' Terbaik – Saudara Muhammad Naufal bin Mohd Sarif dan Saudari Siti Nur Farhana binti Bahrain
- Anugerah Hafazan al-Quran Dua Kali Khatam – Saudari Aimi binti Mohd Ashari, Saudari Fariah Husna binti Abdul Rahman dan Saudari Inayatul Mawardah binti Bakarudin
- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang Kelas Banin – Ustaz Mohd Taufik bin Arshad
- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang Kelas Banat – Ustaz Sukhairu bin Sulaiman
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Banin – Saudara Muhammad Faruq bin Idris
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Banat – Saudari Aimi binti Mohd Ashari





BULAN MAC

HUBUNGAN DQ-IQDAR TERUS DIPERKUKUH

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Darul Quran Jakim dengan Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR)

Hubungan antara DQ Jakim dengan IQDAR terus diperkukuh apabila kedua belah pihak telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 6 Mac 2018. Majlis menandatangani MoU yang telah diadakan di Institut Pengurusan & Integriti Negeri Kedah (INSPEN) ini diadakan bersekali dengan Majlis Perasmian Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-34.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar telah menandatangani dokumen bagi pihak DQ Jakim dengan disaksikan oleh Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin bin Ahmad sementara dokumen IQDAR telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Negeri Kedah, Dr. Fadzil bin Abdul Kadir dengan disaksikan oleh Pengarah IQDAR, Tuan Syeikh Kadri Abdul Hamid al-Hafiz.

Untuk rekod, IQDAR merupakan salah satu dari 13 rakan strategik DQ dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran. Kerjasama antara DQ dengan IQDAR yang dahulunya dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Kedah telah bermula sejak tahun 1991 lagi meskipun terhenti seketika apabila pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Kedah telah diletakkan di bawah Kolej Universiti INSANIAH (KUIN). Namun kerjasama ini terjalin kembali pada tahun 2012 apabila pengurusan IQDAR diletakkan kembali di bawah Yayasan Islam Negeri Kedah. Sepanjang kerjasama IQDAR dengan DQ sebelum ini, IQDAR pernah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Institusi dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali ke-25 pada tahun 2016.



PENGARAH/PENGETUA DQ-MTQN SELESAI BERSIDANG BAGI KALI KE-34

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan Kali Ke-34

Wakil 13 buah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MQTN) termasuk Darul Quran telah selesai bersidang dalam Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan Kali Ke-34 pada 6-8 Mac 2018. Pada persidangan sesi kali ini, Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bersama dengan Darul Quran Jakim. Lokasi persidangan yang dipilih ialah di Institut Pengurusan Dan Integriti Negeri Kedah (INSPIN), Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Objektif utama persidangan kali ini diadakan ialah:

- i. menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran dan membincangkan langkah-langkah pelaksanaan dasar-dasar tersebut;
- ii. menyelaraskan aktiviti akademik dan peperiksaan antara DQ dan MTQN;
- iii. sebagai saluran rasmi untuk menyampaikan pandangan dan cadangan-cadangan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan Tahfiz al-Quran; dan
- iv. merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara DQ dan MTQN sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah atau pelajar.

12 buah MTQN selain DQ yang terlibat dalam persidangan kali ini ialah IQDAR, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), MTQN Perak, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN Tapah, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Institut al-Quran Sayyidina Ali Melaka (IQSA), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), MTQN Pahang, MTQN MAIK Kelantan, Institut Pengajian Islam Terengganu (INSPI), Institut Tahfiz al-Quran Sabah (ITQAS) dan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Sempena persidangan ini juga turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara DQ Jakim dengan IQDAR. Majlis ini telah diadakan dalam majlis perasmian persidangan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Aminuddin bin Omar, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian dan Kebudayaan, Pembangunan Insan Negeri Kedah. Turut hadir dalam majlis perasmian dan majlis menandatangani MoU ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar.





PELAJAR DQ MENDAPAT PINGAT PERAK DAN GANGSA DALAM INOVA18

Pada 10 dan 11 Mac 2018, mahasiswa dan mahasiswi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-DQ telah menyertai pertandingan Inovasi Islam dalam Ekspo Inovasi Islam 1439H (Inova18). Pertandingan ini merupakan anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan ISESCO. Selain itu, pertandingan ini juga mendapat sokongan dari beberapa NGO seperti Ittihad al-Arabiah, Wanita Gemilang dan Alumni USIM.

Darul Quran telah menghantar dua kumpulan untuk menyertai pertandingan tersebut. Kumpulan pertama menamakan kumpulan mereka sebagai *Gem of Qurra For Future* yang telah menghasilkan produk *The 7 QiFaa*. Kumpulan ini terdiri daripada saudara Ahmad Mirza Nabil bin Ismail, saudara Muhammad Yasin bin Zainudin, saudara Abdul Rashid bin Al Muzmi dan saudari Nur Dayana Dalila binti Al Helmi Affendi.

Kumpulan kedua pula menamakan kumpulan mereka *Fii Quwwah* yang telah menghasilkan produk *Quran Waterproof*. Ahli kumpulan ini terdiri daripada saudara Muhammad Nur Taufiq bin Jamari, saudara Muhammad Ammar Hanif bin Mohd Fauzi, saudara Mohamad Rosyiddin Syafiq bin Mohamad Rosli dan saudari Huda binti Mohd Tarmidzi.

Produk *The 7 QiFaa* ini merupakan Modul Pembelajaran Al-Quran Qiraat khususnya pada Surah al-Fatihah dalam bentuk kod Braille yang mengandungi tujuh qiraat. Ia memberi nilai tambah dan pendedahan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan untuk mempelajari ilmu tujuh qiraat dengan lebih praktikal. Sewaktu pameran berlangsung, produk ini telah mendapat perhatian daripada Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah sendiri, Prof. Dr. Adnan dan pihak Ummi Maktum Kluster Penyelidikan USIM bagi pembangunan produk-produk untuk OKU. Pada masa yang sama, produk *The 7 QiFaa* turut mendapat perhatian seorang pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menyatakan hasrat untuk bekerjasama dalam proses penambahbaikan produk untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi supaya dapat dijadikan bahan serta alat bantuan untuk golongan OKU penglihatan.

Sementara produk *Quran Waterproof* pula merupakan mushaf al-Quran kalis air. Idea ini dicetuskan bagi mengatasi masalah mushaf al-Quran yang rosak akibat bencana alam. Seperti produk *The 7 QiFaa*, produk ini juga mendapat respon yang sangat baik dari para pengunjung yang terdiri dalam kalangan pensyarah, pelajar IPTA serta orang awam. Produk

The 7 QiFaa telah memenangi pingat perak sementara produk Quran Waterproof pula telah memenangi pingat gangsa.



CERAMAH MEMELIHARA KESUCIAN AQIDAH ISLAM OLEH IBU IRENA HANDONO

Bahagian Dakwah Jakim dengan kerjasama Darul Quran telah menganjurkan ceramah yang bertajuk “Memelihara Kesucian Islam” pada 14 Mac 2018. Ceramah yang diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran ini telah disampaikan oleh Ibu Irena Handono yang merupakan bekas biarawati dari Indonesia.

Program ceramah ini telah dimulakan dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz Darul Quran, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali. Dalam ucapannya, beliau telah merakamkan salam daripada Pengarah Darul Quran dan juga ucapan terima kasih kepada Ibu Irena kerana sudi berkongsi pengalaman berkenaan persoalan akidah yang menjadi tunjang utama umat Islam. Tambahan, mutakhir ini umat Islam sering terdedah dengan isu-isu yang boleh mengancam serta menggugat akidah sebagai seorang Muslim.

Sedikit profil berkenaan Ibu Irena Handono:

- Dilahirkan di Surabaya, Jawa Timur Indonesia pada 20 Julai 1954. Beliau berketurunan Cina/Tionghoa yang beragama Katolik taat. Ibu Irena mendalami ilmu agama sejak usia remaja. Pada waktu remaja beliau aktif sebagai salah seorang pengurus di organisasi gereja. Beliau mendalami ilmu agama di kuliah Institut Falsafah Teologi dan dalam masa yang sama belajar menjadi seorang biarawati. Sewaktu di Institut Falsafah Teologi, beliau juga berkesempatan mempelajari agama Islam ketika beliau mengambil subjek Islamologi.
- Perkenalannya dengan agama Islam kemudiannya membawa beliau untuk lebih memahami selok belok Islam hingga akhirnya pada tahun 1983, beliau memutuskan untuk memeluk Islam dengan mengucap syahadah di Masjid Al-Falah Surabaya. Sejak memeluk Islam, Ibu Irena sangat aktif di beberapa lembaga Islam antaranya di Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia (ICMI). Beliau juga telah menubuhkan Irena Center di mana beliau menjadi ketuanya hingga ke saat ini.

Ceramah “Memelihara Kesucian Islam” berakhir kira-kira jam 12:00 tengah hari selepas penyampaian cenderamata oleh Pendaftar Darul Quran, Ustazah Sabariah binti Salleh. Turut hadir dalam program ini ialah pegawai-pegawai agensi kerajaan dan pelajar-pelajar sekolah sekitar Hulu Selangor.





MAJLIS PENYERAHAN BUKU PERKHIDMATAN PEGAWAI & KAKITANGAN DQ

Pada 14 Mac 2018, pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jakim (BPSM) telah datang ke Darul Quran, Kuala Kubu Bharu bagi sesi penyerahan Buku Perkhidmatan Pegawai Dan Kakitangan yang bertugas di DQ. Ketibaan pegawai-pegawai BPSM ini telah disambut oleh Penolong Pengarah Kanan Cawangan Pentadbiran & Kewangan, Cik Najihah binti Abdullah@Azahari.

Buku Perkhidmatan Pegawai Dan Kakitangan bagi staf DQ sebelum ini ditempatkan di BPSM Kompleks Islam Putrajaya. Namun, atas faktor memudahkan catatan rekod para pegawai DQ, maka buku tersebut dipindahkan ke pentadbiran DQ. Buku perkhidmatan ini bukan sekadar disimpan di DQ tetapi semua urusan perkhidmatan pegawai, termasuk perubahan gaji akan dibuat oleh pentadbiran DQ bermula pada 15 Mac 2018.

Para pegawai dari Unit Sumber Manusia DQ telah diberikan taklimat oleh pegawai-pegawai BPSM sejeurus selepas sesi penyerahan buku perkhidmatan dilaksanakan. Encik Rahim bin Deraman, Ketua Unit Sumber Manusia DQ telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan majlis taklimat tersebut.



LAWATAN ILMIAH IQSA MELAKA KE DQ

Seramai lima orang delegasi dari Institut Al-Quran Sayyidina Ali (IQSA) Melaka telah mengadakan lawatan ilmiah ke Darul Quran pada 20 Mac 2018. Tujuan lawatan ini diadakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan cara pengurusan serta bentuk-bentuk aktiviti yang dilaksanakan oleh Syukbah Pengurusan Halal di DQ. Khususnya kepada aktiviti-aktiviti pelajar Syukbah Pengurusan Halal bagi kemenjadian pelajar yang kompeten dalam bidang Halal apabila bergraduasi nanti.

Delegasi pelawat telah diketuai oleh Pengetua IQSA sendiri iaitu Haji Mohd Said bin Md Amin serta pensyarah dan pegawai-pegawai dari IQSA. Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Pengarah DQ sendiri telah sudi untuk mempengerusikan perbincangan antara kedua belah pihak. Beliau yang dalam ucapannya telah mengalu-alukan kehadiran pelawat ke DQ di samping menerangkan serba sedikit berkenaan latar belakang program Pengurusan Halal yang dijalankan di DQ.

Sesi perbincangan berakhir kira-kira jam 1:00 tengah hari selepas sesi pertukaran cenderamata antara kedua pihak. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ketua Penolong Pengarah Pengajian, Penolong Pengarah Kanan Unit Kurikulum, Ketua Jabatan Syariah, Penyelaras Syukbah Halal dan Pegawai Perhubungan Awam DQ.



MAJLIS PERASMIAN KELAS TAHSIN BACAAN AL-QURAN PUSAT ISLAM DARUL QURAN TAHUN 2018

Ada perumpamaan menyebut; *“Teman yang baik dan teman yang buruk adalah seperti penjual minyak wangi dan tukang besi. Berkawan dengan penjual minyak wangi, kamu akan mendapat bau harumnya sedangkan berkawan dengan tukang besi boleh menyebabkan bajumu terbakar.”* Sebagai salah satu program memasyarakatkan Darul Quran, DQ telah memperkenalkan program Kelas Tahsin Bacaan al-Quran kategori kanak-kanak dan dewasa pada tiga hari Ahad setiap bulan. Program ini merupakan anjuran Pusat Islam DQ.

Bagi tahun 2018, kelas tahsin ini telah bermula sejak 14 Januari 2018 dan akan berakhir pada 18 November 2018. Tenaga-tenaga pengajar kelas ini terdiri daripada para pensyarah DQ. Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad, dalam suatu majlis yang diadakan pada 25 Mac 2018 telah merasmikan kelas tahsin bagi tahun ini. Beliau yang dalam ucapannya telah mengucapkan tahniah kepada semua peserta kelas ini kerana sanggup mengorbankan waktu cuti untuk menuntut ilmu di DQ walaupun ada dalam kalangan peserta yang datang dari luar kawasan Kuala Kubu Bharu.

Kelas Tahsin Bacaan al-Quran Pusat Islam DQ ini telah melalui beberapa perkembangan dari tahun ke tahun. Pada tahun ini, kelainan yang dibuat ialah dengan diperkenalkan kepada peserta dewasa kelas Fiqh, Tarannum dan Bahasa Arab sebagai elektif serta Tafsir, di samping kelas talaqqi al-Quran seperti tahun-tahun sebelum. Sementara bagi kategori kanak-kanak pula dikekalkan kelas talaqqi dan hafazan al-Quran.



KONVENSYEN PENDIDIKAN TAHFIZ KEBANGSAAN TAHUN 2018 BERAKHIR DENGAN JAYANYA

Selepas kejayaan menganjurkan Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara pada tahun 2016, Darul Quran dengan *Centre of Quranic Research* (CQR) Universiti Malaya sekali lagi bekerjasama dalam menganjurkan Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018. Konvensyen yang diadakan di Hotel Putra Kuala Lumpur ini telah diadakan pada 26 hingga 28 Mac 2018.

Antara objektif konvensyen pada tahun ini diadakan adalah:

1. bagi mendapatkan pandangan para peserta konvensyen berkaitan dengan kaedah pengiktirafan serta kawalan kualiti tahfiz di Malaysia; dan
2. bagi mendapatkan pandangan untuk mewujudkan Majlis Syuyukh (*suatu badan tertinggi terdiri daripada pakar-pakar yang mengiktiraf atau yang mempunyai autoriti untuk mengiktiraf para Huffaz*) yang akan dikendalikan oleh Persatuan Hamalatul Quran Kebangsaan (*persatuan yang menjaga kebajikan dan membela para huffaz*).

Sebanyak sembilan kertas kerja telah dibentangkan sepanjang konvensyen ini berlangsung iaitu:

1. Kaedah Pengiktirafan Huffaz : Suatu Pengalaman di Negara Mesir;
2. Kaedah Pengiktirafan Huffaz : Suatu Pengalaman di Negara Turki;
3. *Recognition Of Hafiz Quran: An Experience In Panipati Methods, Pakistan;*
4. Penilaian dan Pengiktirafan Huffaz di Kementerian Pendidikan Malaysia;
5. Trend Masyarakat Terhadap PendidikanTahfiz di Malaysia;
6. Pengiktirafan Huffaz di Malaysia Satu Cadangan;
7. Penilaian dan Pengujian Huffaz;
8. Kaedah Isbath dan Penilaian Huffaz; dan
9. Majlis Syuyukh Badan Pengiktiraf Huffaz.

Konvensyen ini telah disempurnakan perasmiannya pada 27 Mac 2018 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Sementara Majlis Penutup pula telah diadakan pada 28 Mac 2018 dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.



BUKU PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAHFIZ DAN KAMUS BRAILLE ARAB-MELAYU DILANCAR

Bersempena dengan Majlis Perasmian Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018 pada 27 Mac 2018, DQ telah mengambil inisiatif untuk melancarkan buku Perkembangan Pendidikan Tahfiz Darul Quran Perintis Dinamik. Turut dilancarkan dalam majlis ini ialah Kamus Braille Arab-Melayu hasil kerjasama antara DQ Jakim dengan Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).

Penerbitan buku Perkembangan Pendidikan Tahfiz Darul Quran Perintis Dinamik ini telah memberi makna yang amat signifikan kepada perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia. Sorotan khusus melibatkan perkembangan tahfiz di negara ini ternyata mempunyai nilai sejarah yang amat berharga untuk dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Bermula dengan Bab Satu: Sejarah Perkembangan Hafazan al-Quran hinggalah bab yang menceritakan tentang Perkembangan Pendidikan Tahfiz Di Malaysia di Bab Tiga dan berakhir di Bab Lima: Isu Cabaran Dan Hala Tuju Pendidikan Tahfiz. Kumpulan penyelidik buku ini telah diketuai oleh Pengarah DQ sendiri iaitu Dr. Haji Nordin bin Ahmad.

Sementara kerjasama antara DQ-DBP pula merupakan inovasi dalam Negara apabila buat julung kalinya kedua-dua pihak berjaya menghasilkan Kamus Braille Arab-Melayu sebanyak 10,500 muka surat dan 71 jilid kesemuanya. Idea untuk menerbitkan Kamus Braille Arab-Melayu ini dicetuskan ekoran daripada kekangan pelajar-pelajar program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran Jakim kategori OKU Penglihatan untuk menyambung pengajian ke peringkat Diploma memandangkan syarat kemasukan ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim memerlukan sekurang-kurangnya Gred C dalam Peperiksaan SPM bagi subjek Bahasa Arab. Sedangkan pelajar-pelajar OKU Penglihatan di Malaysia menghadapi sedikit kesukaran untuk mendalami Bahasa Arab kerana ketiadaan Kamus Braille Arab-Melayu. Dengan penerbitan Kamus Braille Arab-Melayu ini secara tidak langsung akan membantu golongan OKU Penglihatan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang Pengajian Islam.

DQ telah menanggung kos kerja transkripsi braille dan menghasilkan *master copy* kamus serta mencetak satu cetakan dengan kos sebanyak RM52,540. Manakala DBP pula telah mengulang cetak tiga cetakan dengan kos sebanyak RM21,000 untuk diedar secara percuma kepada Perpustakaan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta satu set untuk simpanan DBP sendiri. Hakcipta Kamus Braille Arab-Melayu yang dihasilkan ini adalah hak milik bersama Jakim dan DBP.

Wakil DBP yang hadir ketika majlis menandatangani perjanjian ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Dasar DBP, Datuk Haji Abang Sallehuddin bin Abg Shokeran dan Pengarah Jabatan Penerbitan, Haji Abd Khalik bin Sulaiman.





MOU ANTARA DQ JAKIM DENGAN UiTM DITANDATANGANI DALAM KONVENSYEN PENDIDIKAN TAHFIZ KEBANGSAAN 2018

Sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Darul Quran Jakim dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah meriah pada 27 Mac 2018. Majlis yang diadakan bersekali dengan Majlis Perasmian Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018 ini telah dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), ketua-ketua jabatan dari Jakim, wakil-wakil UiTM dan juga para peserta Konvensyen Pendidikan Tahfiz.

Hasil MoU yang telah ditandatangani ini, UiTM bukan sahaja menawarkan tempat kepada graduan-graduan Diploma Syukbah Pengurusan Halal dan Syukbah Muamalat DQ, malah syukbah-syukbah yang lain juga akan turut diberikan laluan khas sebagai satu lagi laluan kebolehpasaran graduan DQ bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah di UiTM, di samping pengecualian kredit bagi kursus-kursus yang setara. Kerjasama ini secara tidak langsung akan membantu kerajaan dalam usaha untuk mencapai aspirasi bagi melahirkan generasi penghafaz-penghafaz al-Quran yang menguasai ilmu-ilmu al-Quran serta bidang-bidang ilmu yang lain.

Dokumen MoU antara DQ Jakim-UiTM ini telah ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UiTM, Profesor Dr. Haji Mohamad Kamal bin Haji Harun dengan disaksikan oleh Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM, Profesor Dr. Haji Muhamad Rahimi bin Osman. Sementara bagi pihak DQ pula, dokumen telah ditandatangani oleh Pengarah Kanan Pengurusan Jakim, Encik Masri bin Razali dengan disaksikan oleh Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Pengarah DQ.

Sebanyak enam perkara yang menjadi skop kerjasama antara DQ Jakim-UiTM iaitu:

1. Penawaran program pengajian di peringkat Ijazah Pertama bagi menyambung pengajian ke UiTM;
2. Pengecualian dan pemindahan jam kredit bagi pelajar DQ bagi mengikuti pengajian ke Peringkat Ijazah Sarjana Muda di UiTM;
3. Program yang melibatkan bimbingan tasmi' pelajar tahfiz di UiTM;
4. Pembangunan penyelidikan dan penerbitan melalui perkongsian kepakaran, maklumat dan dana penyelidikan;
5. Program pertukaran atau pinjaman pelajar serta pensyarah UiTM dan DQ; dan
6. Program yang melibatkan aktiviti antara pelajar UiTM dan DQ.





BULAN APRIL

DQ MENERIMA DUA TETAMU DALAM SATU HARI

Lawatan Sekolah Kebangsaan Kg Idaman Pelabuhan Klang Dan Pusat Pengajian Tafaqquh & Tahfiz Al-Makki Sarawak

Darul Quran telah menerima dua tetamu dari dua institusi berbeza pada 5 April 2018. Pada jam 11:00 pagi, pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan Kg Idaman Pelabuhan Klang telah bertandang ke DQ manakala pihak pengurusan Pusat Pengajian Tafaqquh & Tahfiz Al-Makki Sarawak pula tiba di DQ pada jam 2:30 petang.

Delegasi SK Kg Idaman telah diketuai oleh Guru Besarnya sendiri iaitu Encik Hamidi bin Syariff. Diikuti Puan Suhaila binti Muner selaku PK HEM, Encik Ahmad Ridzaki selaku Ketua Panitia PAI dan Encik Mohd Firdaus Shaharudin. Tujuan lawatan delegasi SK Kg Idaman adalah untuk membincangkan berkenaan kerjasama dalam pelaksanaan Program Smart Tahfiz.

Delegasi Pusat Pengajian Tafaqquh & Tahfiz Al-Makki Sarawak pula telah dihadiri oleh Encik Suhaimi Suhaili, Ustaz Umar Faruq serta Ustazah Sharifah. Lawatan delegasi Pusat Pengajian Tafaqquh & Tahfiz Al-Makki ini pula bertujuan untuk melihat proses pembelajaran dan pengajaran yang sedang dijalankan di DQ.

Kedua-dua delegasi pelawat ini telah diraikan oleh Pendaftar DQ, Ustazah Sabariah binti Salleh. Para pelawat telah ditayangkan dengan video korporat DQ serta lagu rasmi DQ sebelum diberi taklimat oleh Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan. Majlis berakhir selepas sesi penyampaian cenderamata dan sesi fotografi.



KUNJUNGAN MAHABBAH MARKAZ TAHFIZ OKUMP TERENGGANU KE DQ

Seramai enam orang delegasi dari Markaz Tahfiz Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) Terengganu telah mengadakan kunjungan mahabbah ke DQ pada 9 April 2018. Kunjungan ini merupakan kunjungan kali ketiga dan diadakan bertujuan untuk melihat ruang-ruang kerjasama antara kedua belah pihak. Fokus utama perbincangan adalah berkenaan dengan hala tuju pelajar-pelajar Markaz Tahfiz OKUMP memandangkan DQ juga menjalankan program pengajian bagi pelajar-pelajar kategori OKU Penglihatan ini.

Delegasi Markaz Tahfiz OKUMP telah dihadiri oleh Pemangku YDP Yayasan Kebajikan & Pembangunan Pendidikan Terengganu (YAKEP) iaitu Dr. Mohamad Hamdan Mohamed. Diikuti Mudir Ma'ahad Tahfiz Wal Tarbiyah Darul Iman, Haji Muzaihar Kamal Mustapa Kamal, Pengerusi Markaz Tahfiz OKUMP, Haji Razali Mat Yunos, Mudir Markaz Tahfiz OKUMP, Ustaz Mohd Shaiful Ambia Darusa, Ustaz Abdullah Basri Abu Bakar dan Ustaz Wan Mohd Shamsuddin Wan Daud. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz DQ, Haji Mohamad Rahim Mohammed Abdul Rahman yang mewakili Pengarah DQ.

Dalam ucapan balas Haji Razali Mat Yunos, beliau telah menyatakan bahawa tujuan asal penubuhan Markaz Tahfiz OKUMP ini adalah untuk melatih pelajar-pelajar kategori ini menjadi imam dan bilal di masjid-masjid kampung sahaja. Namun setelah kunjungan kali pertama dan kedua ke DQ diadakan, pihak Markaz Tahfiz OKUMP mula melihat ruang-ruang pengajian yang lebih luas untuk pelajar-pelajar ini.

DQ merakamkan pujian kepada Markaz Tahfiz OKUMP kerana program seumpama ini merupakan suatu usaha yang baik untuk dilaksanakan bagi membuka ruang kepada semua golongan untuk mendalami bidang hafazan al-Quran. Perbincangan berakhir selepas sesi penyampaian cenderamata dan sesi fotografi.



290 HUFFAZ DUDUKI UJIAN STM 2018

Darul Quran telah selesai mengadakan ujian Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bagi tahun 2018 pada 17 dan 18 April 2018. Ujian yang diadakan di satu pusat peperiksaan sahaja iaitu di kampus Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu. Seramai 144 orang huffaz telah menduduki ujian pada hari yang pertama iaitu 17 April 2018 sementara 146 orang lagi telah menduduki ujian pada hari yang kedua.

Ujian penilaian STM ini mengandungi beberapa komponen subjek iaitu:

- i. Hifz Al-Quran 30 Juzu' Syafawi (lisan)
- ii. Hifz Al-Quran 30 Juzu' Tahriri (bertulis)
- iii. Pengetahuan Agama Islam secara bertulis merangkumi aspek:
 - a. Tajwid
 - b. Fiqh Ibadah
 - c. Aqidah

Syarat kelayakan permohonan bagi menduduki ujian penilaian STM adalah seperti berikut:

- i. Berumur 15 tahun ke atas.
- ii. Calon telah menghafaz 30 juzu' al-Quran yang disahkan oleh mana-mana institusi.

STM diperkenalkan adalah bertujuan untuk mengiktiraf individu-individu yang menghafaz 30 juzu' al-Quran serta tidak memperolehi pengiktirafan dari mana-mana institusi. Ketika ini, STM diterima pakai sebagai salah satu dokumen sokongan bagi permohonan Guru Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh Jakim bagi penerima STM Pangkat Mumtaz.



MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ TAHUN 2018/1439

Seramai 154 orang pelajar dari tiga program pengajian telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Pensijilan Tahfiz bagi Tahun 2018/1439. Tiga program pengajian tersebut ialah Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN dan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS (Cyberjaya University College of Medical Sciences). Program Pensijilan Tahfiz ini merupakan usaha kerajaan khususnya Darul Quran Jakim dalam melahirkan golongan huffaz profesional pada masa akan datang seperti doktor, jurutera, arkitek dan seumpamanya serta dalam masa yang sama merupakan seorang penghafaz al-Quran.

Majlis yang diadakan pada 28 April 2018 ini telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Insan Jakim, Hajah Zawanah binti Muhammad yang mewakili Ketua Pengarah Jakim. Majlis ini telah dimulakan dengan perarakan pelajar dan pensyarah bersama perasmi serta tetamu jemputan dari Bangunan Akademik ke Dewan Mukhtamar. Upacara khatam telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 19 orang pelajar banin (lelaki) dengan dipimpin oleh Ustaz Mohd Fakhrurrazi bin Abdullah, Ustaz Megat Mohd Zaid bin Megat Azmuddin dan Ustaz Mohamad Norhazimin bin Mohd Bukhari, Pensyarah Tasmi' Semester Tiga Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM. Wakil pelajar, Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan perasmi pula telah menyampaikan ucapan masing-masing sejurus selepas selesai bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Seterusnya sesi penyampaian Sijil Khatam dan anugerah kecemerlangan kepada para pelajar yang terpilih.

Pada tahun ini terdapat dua anugerah baru yang diperkenalkan iaitu Anugerah Khas (Anugerah Dua Kali Khatam Hafazan Di Hadapan Guru dan Anugerah Khatam Dalam Tempoh Satu Hari) dan Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik di samping Anugerah Pensyarah Cemerlang dan Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang yang masih dikekalkan. Semua anugerah-anugerah ini telah disampaikan oleh Hajah Zawanah yang diiringi oleh Pengarah DQ. Senarai penerima anugerah adalah seperti berikut:

- Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik – Saudara Najid Sofiy bin Khirul Anuar dan Saudari Farah Nurizzah binti Saman.
- Anugerah Khas (Anugerah Dua Kali Khatam Hafazan Di Hadapan Guru) – Saudari Wan Nurul Husna binti Wan Shukri, Umairah binti Mohd Roslan, Syarifah Anisah binti Habit Mustafa dan Husna Mardhiyyah binti Mohd Fauzi.

- Anugerah Khas (Anugerah Khatam Dalam Tempoh Satu Hari) – Saudari Siti Ameerah binti Fauzi, Nurhidayah binti Noorhadi, Nur Zainatul Aiman binti Mohammad Nor Azam dan Nurfatim Syahirah binti Mohd Asri.
- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang Lelaki – Ustaz Megat Mohd Zaid bin Megat Azmuddin.
- Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang Perempuan – Ustazah Fariatul Athiyah binti Abu Bakar.
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Lelaki (Jakim-IIUM) – Saudara Muhammad Aliff Irfan bin Khairul Anuar.
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Lelaki (Jakim-UNITEN) – Saudara Muhammad Imran bin Zulzamrin.
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Perempuan (Jakim-IIUM) – Saudari Siti Ameerah binti Fauzi.
- Anugerah Pelajar Tasmi' Cemerlang Perempuan (Jakim-UNITEN) – Saudari Fatin Zahidah binti Awang Adi.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Mat Isa, Pengarah Tabung Amanah Zakat UNITEN, Encik Ahmad Rauyani bin Ab Hamid, Pensyarah Matrikulasi Sains Kemanusiaan IIUM dan Ustazah Nurul Amilin Wajihah binti Mohammad Shamsudin, Koordinator Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS yang mewakili IPT masing-masing.





MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT DARUL QURAN JAKIM SESI PENGAJIAN 2018/2021

Seramai 250 orang pelajar baru telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran Jakim Sesi Pengajian 2018/2021 yang diadakan pada 30 April 2018 bertempat di Dewan Mukhtar Darul Quran. Majlis ini telah dirasmikan oleh Hajah Zawanah binti Muhammad, Pengarah Bahagian Pembangunan Insan Jakim yang mewakili Ketua Pengarah Jakim.

“Belajar di Darul Quran ini memerlukan kepada komitmen yang tinggi dan disiplin yang kuat. Justeru, pelajar perlu kepada emosi dan ketahanan yang tinggi kerana setiap hari para pelajar DQ perlu memperuntukkan masa lebih lima ke enam jam untuk hafazan al-Quran”, kata beliau dalam ucapan perasmiannya.

Majlis berakhir bacaan ikrar oleh pelajar baru dan acara turun temurun dalam majlis pendaftaran iaitu sesi penyerahan pelajar baru oleh ibu bapa kepada DQ sebagai suatu simbolik yang menunjukkan bahawa ibu bapa menyerahkan amanah untuk DQ membimbing serta mendidik anak-anak mereka. Para pelajar baru juga turut dihadiahkan dengan Mushaf al-Quran Waqaf Qiraat Asyara (Qiraat Sepuluh) yang disumbangkan oleh Penerbitan Dar Hakamah dan Koperasi Perodua Sdn. Bhd. Turut hadir dalam majlis ini ialah Encik Abd Razak bin Abd Rashid, Pengurus Projek Waqaf Penerbitan Dar Hakamah dan MAAR Integrated & Solution dan Encik Yusni bin M Yunus selaku wakil Pengurus Koperasi Perodua Selangor Berhad.

Pada pengambilan bagi sesi kali ini, DQ telah mula menyiarkan iklan pengambilan pada 5 Februari 2018 sehingga 22 Mac 2018. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 3,525 permohonan telah diterima sama ada dari dalam dan luar negara seperti Thailand, Filipina, Kemboja, Indonesia dan Brunei. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,733 orang calon yang layak dipanggil temuduga. Namun, hanya 1,206 orang calon sahaja yang telah menghadiri diri ke sesi temuduga yang diadakan pada 26 Februari hingga 19 April 2018 di 6 pusat temuduga iaitu di Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) Kota Kinabalu, Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKMAS), Madrasah Miftahul Bidayah Berseri Perlis, Pejabat Mufti Kemboja dan di Manila. Daripada 1,206 orang calon yang telah menghadiri sesi temuduga tadi, DQ hanya menawarkan tempat kepada 250 orang pelajar sahaja iaitu 126 orang pelajar banin dan 124 orang pelajar banat.



SAMBUTAN PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT



SAMBUTAN PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

SAMBUTAN PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT



BULAN MEI

240 ORANG PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA TERLIBAT TRANSKEM 2018

Menjadi kelaziman di mana-mana institusi pengajian untuk mengadakan minggu orientasi kepada pelajar-pelajar yang baru mendaftar. Tidak terkecuali di Darul Quran. Seramai 240 orang pelajar baru terdiri daripada 122 orang pelajar banin (lelaki) dan 118 orang pelajar banat (perempuan) telah terlibat dalam program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) yang diadakan pada 1 hingga 5 Mei 2018. Program yang diadakan selama lima hari ini telah diadakan di kompleks Darul Quran dan kawasan sekitar Buluh Telor Kuala Kubu Bharu.

Pihak urus setia TRANSKEM 2018 telah menggariskan empat objektif utama program tahun ini iaitu:

- i. Memupuk rasa sayang kepada institusi Darul Quran serta hormat kepada warga Darul Quran dan sifat ukhuwah sesama pelajar;
- ii. Membina ketahanan dan kekuatan untuk menghafal al-Quran (fizikal dan mental);
- iii. Membentuk sahsiah diri pelajar sebagai huffaz yang terpilih sebagai hamalatul Quran; dan
- iv. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri (jati diri) bagi melayakkan diri menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam TRANSKEM pada tahun ini ialah slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Aktiviti Luar seperti Explorace serta Kembara dan lain-lain lagi. Majlis Penutup program ini telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman bin Yaacob yang mewakili Pengarah Darul Quran.





LAWATAN AKADEMIK JAWATANKUASA HUFFAZ KPTM KE DQ

Bagi memperkasakan bidang pendidikan tinggi tahfiz, Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi dalam rangka untuk membangunkan program yang dinamakan Program Pemeraksanaan Huffaz. Program ini bertujuan untuk memberikan ruang kepada pelajar bidang tahfiz bagi menyambung pengajian dalam bidang profesional. Atas maksud dan tujuan tersebut, empat orang delegasi Jawatankuasa Huffaz KPTM telah mengadakan lawatan ke DQ pada 7 Mei 2018 bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan program huffaz profesional memandangkan DQ merupakan sebuah institusi tahfiz yang berpengalaman dalam menjalankan program ini sejak tahun 2000 lagi.

Delegasi KPTM yang diketuai oleh Ustaz Saiful Syahrul bin Mohd Hanafi, Unit Agama Jabatan Pengajian Umum KPTM Bangi. Sementara mereka telah disambut oleh pegawai-pegawai DQ yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman. Dalam ucapannya, Haji Mohamad Rahim telah mengalu-alukan kehadiran para pelawat dan menyampaikan salam daripada pengurusan tertinggi DQ yang tidak dapat hadir bersama kerana ada komitmen yang lain.

Sementara dalam ucapan balas ketua delegasi pelawat, Ustaz Saiful Syahrul telah menyatakan bahawa KPTM Bangi merancang untuk merangka empat program iaitu Halaqah, Pengukuhan, Iktikaf dan Potensi Daie dalam usaha membangunkan program Pemeraksanaan Huffaz. Selepas sesi taklimat dan perbincangan aktif antara kedua institusi, pihak KPTM telah mendapat sedikit pencerahan dan langkah-langkah untuk merealisasikan program Pemeraksanaan Huffaz yang mereka rancang. Lawatan ini berakhir dengan sesi menyampaikan cenderamata dari pihak DQ dan sesi bergambar.



KUNJUNGAN HORMAT MMU KE DQ

Seramai tujuh orang delegasi dari Universiti Multimedia (MMU) telah mengadakan kunjungan hormat ke Darul Quran Jakim pada 14 Mei 2018. Kunjungan ini diadakan berikutan hasrat MMU untuk memperkenalkan program profesional tahfiz di institusi pengajian mereka. Memandangkan DQ merupakan institusi pengajian tinggi tahfiz terawal yang mengadakan program profesional tahfiz ini semenjak tahun 2000, maka pihak MMU telah memilih untuk mengadakan program kerjasama ini antara kedua belah pihak.

Pertemuan kedua belah pihak ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Akademik DQ, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali, mewakili Pengarah yang terlibat dengan komitmen lain. Dalam ucapannya beliau melahirkan rasa syukur kerana dapat bertemu dengan pihak MMU di atas usaha mereka hendak memperkasakan bidang pendidikan tahfiz di Malaysia. Prof. Dr. Hishamuddin bin Ismail selaku Naib Presiden Akademik & Pengantarabangsaan MMU merangkap ketua delegasi lawatan ini dalam ucapan balasnya telah berkongsi serba sedikit profil berkenaan dengan MMU. Dalam ucapannya juga, beliau menyatakan hasrat untuk mengadakan Program Pensijilan Tahfiz secara serentak dengan bidang pengajian profesional yang dipelajari di kampus MMU. Selain itu, beliau juga menyatakan penawaran program ini nanti akan dikhususkan kepada pelajar jurusan IT dan Multimedia dalam tempoh empat tahun pengajian.

Selepas sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam DQ, Ustaz Mohd Aishamudin bin Samsungei, delegasi MMU telah diberi ruang untuk bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan. Dalam sesi inilah pihak MMU telah dimaklumkan bahawa institusi pengajian yang hendak mengadakan Program Pensijilan Tahfiz ini mestilah menghabiskan sebanyak 60 jam kredit yang melibatkan subjek teras seperti Hifz Al-Quran (Syafawi & Tahriri), Tajwid (Ilmi & Amali) dan Adab Hamalatul Quran, subjek elektif serta subjek universiti yang boleh diserapkan ke dalam program.

Pegawai-pegawai DQ yang turut serta dalam perbincangan ini ialah Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ketua Penolong Pengarah Pengajian, Penolong Pengarah Kanan Unit Kurikulum dan wakil Jabatan Pengajian Tahfiz Al-Quran. Pertemuan antara kedua belah pihak berakhir selepas sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.



MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA DQ JAKIM DENGAN UNITEN

Bagi kelestarian Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN yang sedia terjalin sejak tahun 2012, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Darul Quran Jakim pada 31 Mei 2018. Majlis yang dijadualkan pada jam 3:00 petang ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Aras 1, Bangunan Pengurusan UNITEN Bangi.

Dokumen MoU bagi pihak UNITEN telah ditandatangani oleh Naib Canselor, Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha dengan disaksikan oleh Pengarah Tabung Amanah Zakat, Prof. Madya Dr. Abdul Aziz bin Mat Isa. Sementara di pihak DQ pula, dokumen MoU telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Dato' Haji Paimuzi bin Yahya dengan disaksikan oleh Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Ironinya, program kerjasama antara DQ-UNITEN ini telah bermula pada zaman Dato' Haji Paimuzi yang ketika itu menjawat jawatan selaku Pengarah DQ.

Dalam ucapannya, beliau telah memuji pihak UNITEN yang merupakan institusi terbaik dalam menjalankan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran bagi model kedua. Model kedua bagi Program Pensijilan Tahfiz al-Quran ialah pengajian tahfiz yang dijalankan serentak (*concurrent*) dengan program bidang profesional. Bermakna, para pelajar akan menamatkan hafazan 30 juzu' al-Quran dalam tempoh pengajian dalam bidang profesional. Sementara model pertama ialah Program Pensijilan Tahfiz al-Quran dijalankan terlebih dahulu sehingga pelajar selesai khatam hafazan al-Quran 30 juzu'. Kemudian para graduan ini dihantar pula untuk belajar dalam bidang profesional. Contoh model ini adalah seperti yang dijalankan oleh DQ bersama dengan IIUM.

Beliau berkata lagi, kejayaan pihak UNITEN ini berkemungkinan daripada hasil usaha serta komitmen yang berterusan di samping kefahaman tentang cabaran-cabaran dalam melahirkan golongan huffaz profesional. Melahirkan golongan huffaz ini sememangnya mudah secara teori. Namun ianya sedikit sukar dari sudut praktikal kerana usaha untuk melahirkan golongan huffaz ini melibatkan kajian dari banyak sudut seperti kurikulum, kewangan, prasarana, biah atau suasana, pelajar serta tenaga pengajar yang mantap.

Semenjak mula pelaksanaannya sehingga kini, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN ini telah melahirkan 133 orang graduan bergelar jurutera al-hafiz.



BULAN JUN

PERHIMPUNAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN DQ BERSAMA PENGARAH

Pada 1 Jun 2018, telah diadakan suatu perhimpunan pegawai dan kakitangan Darul Quran bersama Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Perhimpunan yang diadakan pada jam 10:30 pagi ini telah diadakan di Auditorium Sheikh Mohd Noor.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Jakim dan Lagu Darul Quran sebaik ketibaan Pengarah. Slot seterusnya ialah tayangan slide berkenaan pegawai-pegawai Darul Quran yang telah berpencen, bertukar keluar dan pegawai-pegawai yang bertukar masuk ke Darul Quran.

Acara kemuncak ialah sesi penyampaian amanat oleh Pengarah Darul Quran. Dalam ucapan awalnya, beliau telah menukulkan amanat Ketua Pengarah Jakim, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim kepada semua Pengarah-Pengarah Bahagian Jakim sebelum ini termasuk Darul Quran. Amanat Ketua Pengarah Jakim ini disampaikan kepada semua kakitangan Darul Quran pula agar semua kakitangan mendapat informasi yang tepat berkenaan Jakim serta memahami aspirasi Ketua Pengarah. Dr. Haji Nordin juga dalam ucapannya telah memberikan maklumat berkenaan situasi semasa Darul Quran seperti kedudukan kewangan, projek membaik pulih pentas Dewan Muktamar, Majlis Iftar Jamaie dan sebagainya.

Unit Kaunseling turut mengambil kesempatan dalam majlis ini untuk menyampaikan watakah pelantikan kepada Ahli-Ahli Pembimbing Rakan Sekerja Perkhidmatan Awam (AKRAB) DQ yang berkuatkuasa dari 6 April 2018 hingga 6 April 2019.



MAJLIS KHATAM TADARUS DAN IFTAR JAMAIE DQ 1439/2018

Darul Quran Jakim telah mengadakan Majlis Khatam Tadarus Dan Iftar Jamaie 1439/2018 di Pusat Islam pada 6 Jun 2018. Seramai kira-kira 1,000 orang yang hadir ke majlis ini terdiri daripada dif-dif jemputan, kakitangan Darul Quran serta keluarga serta pelajar-pelajar Darul Quran.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Dato' Haji Paimuzi bin Yahya mewakili Ketua Pengarah Jakim. Beliau yang dalam ucapannya memuji usaha Darul Quran meneruskan program-program yang menghidupkan Ramadan pada tahun ini di samping program-program memasyarakatkan Darul Quran kepada masyarakat awam seperti memenuhi jemputan-jemputan imam-imam tarawih, tazkirah, ceramah dan sebagainya.

Pelbagai aktiviti telah diadakan dalam majlis ini antaranya Majlis Khatam Tadarus al-Quran yang ditakhtimkan oleh pelajar-pelajar Darul Quran. Selain itu, turut diadakan penyampaian sumbangan kepada pelajar-pelajar terpilih dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Hafazan al-Quran Kategori 1-30 Juzu' Ihya' Ramadhan. Saringan Pertandingan Hafazan al-Quran Kategori 1-30 Juzu' Ihya' Ramadhan ini telah diadakan pada 28, 30, 31 Mei serta 1 Jun 2018 selepas Solat Tarawih dan pertandingan akhir telah diadakan pada 6 Jun 2018 selepas kelas tasmi'.

Hadiah pertandingan ini telah disumbangkan oleh Dato' Paduka Haji Ramly Bin Mokni, Pengasas Ramly Burger, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan. Hadiah yang ditawarkan untuk kedua-dua kategori banin dan banat ialah:

- Tempat pertama : Pakej Umrah bernilai RM6,500
- Tempat kedua : Wang tunai RM1,000
- Tempat ketiga : Wang tunai RM500
- Saguhati : RM50

Turut hadir dalam majlis ini ialah Datuk Haji Che Mat bin Che Ali, Pengerusi PPZ Wilayah Persekutuan dan wakil Dato' Paduka Haji Ramly.



LAWATAN DQ KE PUSAT KESEJAHTERAAN INSAN UKM

Pada 7 Jun 2018 (Khamis), Darul Quran telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Kesejahteraan Insan Universiti Kebangsaan Malaysia. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan panduan pelaksanaan program Khidmat Masyarakat yang dilaksanakan oleh mahasiswa-mahasiswi UKM supaya dapat dilaksanakan oleh pelajar-pelajar DQ. Delegasi DQ ini telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali. Turut serta dalam lawatan ini ialah KPP Pengajian, Ketua Jabatan Pengajian Umum dan pensyarah-pensyarah subjek tersebut.

Taklimat dari pihak UKM telah dipengerusikan oleh Pengerusi Pusat Kesejahteraan Insan UKM, Dr. Rosmawati binti Mohamad Rasit. Wakil-wakil daripada UKM yang turut serta memberi penerangan ialah Prof. Madya Dr. Abd Ghafar Don, Dr. Adawiyah Ismail, Dr. Ahmad Irdha Mokhtar, Dr. Hasanah Abd Khafidz, Dr. Zulkifli Aini dan Ustaz Anuar Puteh.

Dalam taklimat tersebut pensyarah Darul Quran mendapat banyak input tentang dakwah orang asli, *street* dakwah dan dakwah kepada orang awam. Pensyarah-pensyarah DQ juga turut mendapat input berkenaan cara pelaksanaan program dakwah dan pelbagai pendekatan yang boleh dilakukan dalam berdakwah. Banyak maklumat dan pengalaman yang dikongsikan oleh pakar-pakar dari UKM dalam bidang dakwah kepada masyarakat.



BULAN JULAI

AHLI-AHLI LEMBAGA DQ BERSIDANG KALI KE-34

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-34 telah bersidang pada 12 Julai 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat lembaga kali ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang baru iaitu Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim menggantikan Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha yang telah tamat perkhidmatannya pada 16 Mei 2018. Dalam ucapan aluannya YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan sekalung tahniah dan penghargaan kepada ahli lembaga yang telah bertukar dan digantikan dengan ahli baru. Antaranya Penasihat Undang-Undang Jakim, Tuan Ramzi bin Osman yang menggantikan Tuan Razali bin Ariffin yang telah bertukar ke Mahkamah Sesyen Alor Setar dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman yang menggantikan YBhg. Dato' Prof. Dr. Zulkiple bin Abd. Ghani.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah turut melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada pihak USIM kerana sudi meneruskan kerjasama dalam melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Quran & Sunnah Dengan Kepujian USIM di Darul Quran. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara USIM-Jakim dilaksanakan sejurus selepas Mesyuarat Lembaga di adakan. Majlis yang berprestij ini turut disaksikan oleh YB Dato' Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Antara agenda utama Mesyuarat Lembaga pada kali ini adalah untuk memperinci dan memperaku Keputusan Peperiksaan Semester Akhir Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-IIUM, Jakim-UNITEN dan Jakim-CUCMS. Perakuan keputusan peperiksaan ini merupakan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Darul Quran bagi melayakkan para pelajar bergraduat serta melayakkan mereka menerima sijil dalam Istiadat Konvokesyen Darul Quran. Selain itu, Kertas Cadangan Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-27 Tahun 2018 turut dibentangkan.

Antara ahli Lembaga Darul Quran yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini ialah Timbalan Pengerusi Lembaga Darul Quran, Dato' Haji Paimuzi bin Yahya, Encik Masri Bin Razali, Puan Hajah Hakimah binti Mohd. Yusoff, Tuan Ramzi bin Osman, Datuk Dr. Roslina binti Ahmad Mokhtar, Prof. Madya Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff, Prof. Madya Dr. Haslina binti Hassan dan Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Setiausaha.



MAJLIS MENANDATANGANI MOA PROGRAM KERJASAMA IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN & SUNNAH USIM-JAKIM

Pada 12 Julai 2018, telah berlangsungnya Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Program Kerjasama antara USIM dan Darul Quran Jakim dalam menjalankan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian. Pelajar-pelajar program ini akan belajar di kampus Darul Quran selama tiga tahun dengan proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan oleh Darul Quran sementara penganugerahan ijazah adalah dari pihak USIM. Majlis MoA ini merupakan penyambungan perjanjian antara kedua institusi bagi kali yang ketiga memandangkan tempoh perjanjian sebelum ini telah tamat pada sesi akademik 2016/2017 atau lebih tepatnya pada 1 September 2017.

Majlis yang diadakan di Kompleks Islam Putrajaya ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mujahid bin Yusof. Dalam ucapannya, beliau telah mengucapkan tahniah kepada Darul Quran kerana telah menunjukkan contoh model pendidikan tahfiz yang terbaik dalam Negara. Dengan keunikan kepelbagaian kaum di Malaysia, beliau berhasrat mahu mewujudkan "The Malaysia Model of Huffaz" yang berbeza dengan model tahfiz Pakistan, India, Turki dan sebagainya. Beliau juga mengharapkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar dapat membantu dalam melahirkan guru-guru terlatih dalam bidang tahfiz.

Dokumen Memorandum Perjanjian Program Kerjasama Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah USIM-Jakim telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Jakim, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim dengan disaksikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Sementara di pihak USIM, dokumen ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa bin Ahmad dengan disaksikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Prof. Madya Dr. Adnan bin Mohamed Yusoff.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Naib Canselor USIM, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Jakim dan pegawai-pegawai DQ.





ENAM SISWA SISWI DQ SERTAI PERTANDINGAN MEMANAH PERINGKAT ANTARABANGSA

Seramai enam orang siswa siswi Darul Quran telah menyertai Pertandingan Memanah Peringkat Antarabangsa yang melibatkan pelbagai institusi dari dalam dan luar negara antaranya Thailand, Indonesia dan Singapura. Pertandingan yang dianjurkan oleh Kadet Remaja Sekolah (KRS) Musleh dan Persatuan Memanah Tradisional Musleh dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu telah berlangsung selama dua hari bermula 21 hingga 22 Julai 2018 bertempat di Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

"Bakat yang terpendam dan latihan setiap minggu telah meningkatkan keyakinan para siswa siswi huffaz untuk menyertai pertandingan di luar kampus. Ini bukti bahawa selain menghafaz al-Quran, huffaz juga cergas dan berkebolehan dalam pelbagai aktiviti luar" kata Pengerusi Kelab Memanah Darul Quran, Ustaz Ahmad Fuad Jamil.

Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Kategori Pengajian Tinggi (Lelaki):

1. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
2. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
3. Kolej Universiti Insaniah (UniSHAMS)
4. Darul Quran Jakim
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kerian
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kerian
7. Universiti Fatoni Thailand
8. Universiti Fatoni Thailand
9. Universiti Fatoni Thailand
10. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Kategori Pengajian Tinggi (Perempuan):

1. Kolej Universiti Insaniah (UniSHAMS)
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kerian
3. Kolej Universiti Insaniah (UniSHAMS)
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kerian
5. Universiti Fatoni Thailand
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kerian

7. Universiti Fatoni Thailand
8. Darul Quran Jakim
9. Universiti Fatoni Thailand
10. Darul Quran Jakim



ENAM ORANG PEGAWAI DQ MENGADAKAN KUNJUNG HORMAT KE KEDUTAAN TURKI DI MALAYSIA

Seramai enam orang delegasi dari Darul Quran JAKIM telah mengadakan kunjung hormat ke pejabat TYT Duta Besar Turki di Malaysia, Dr. Merve Kavakci pada 26 Julai 2018. Tujuan utama kunjung hormat ini diadakan adalah untuk meneroka peluang baru bagi pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dan Program Diploma Tahfiz Al-Quran DQ untuk melanjutkan pengajian mereka di Negara Turki di samping peluang-peluang kerjasama lain dalam bidang akademik. Selain itu, ia juga merupakan salah satu daripada Program-Program Pelan Strategik Jakim 2015-2019 yang melibatkan DQ di bawah Strategi 4: Meningkatkan ukhuwah peringkat serantau dan antarabangsa.

Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik telah bertindak selaku ketua delegasi DQ. Beliau telah mewakili Pengarah DQ yang tidak dapat hadir bersama kerana bertembung dengan tugas yang lain. Dalam aluannya, beliau telah berterima kasih kepada pihak kedutaan khususnya Dr. Merve Kavakci kerana sudi menerima kunjungan dari DQ. Dr. Merve Kavakci juga telah diberi taklimat ringkas berkenaan dengan DQ serta program-program pengajian yang sedang dijalankan sebagai makluman awal sebelum pernyataan hasrat DQ diutarakan. Antara bidang-bidang pengajian yang dicadangkan untuk penyambungan pengajian pelajar adalah daripada bidang Sains seperti perubatan, kejuruteraan, farmasi ataupun mana-mana bidang yang bersesuaian.

Hasil daripada perbincangan yang memakan masa hampir satu jam, DQ telah disyorkan dengan beberapa cadangan iaitu mengadakan perbincangan susulan dengan Pengarah Yunus Emre Enstitüsü, Dr. Omer Altun, membuat permohonan melalui laman sesawang www.ytb.gov.tr dan menghantar surat rasmi kepada T.C. Diyanet İşleri Başkanlığı. Sesi kunjung hormat ini diakhiri dengan sesi bergambar serta penyampaian cenderamata oleh pihak DQ.



KUNJUNG HORMAT SUSULAN KE YUNUS EMRE ENSTITÜSÜ

Ekoran daripada kunjung hormat yang diadakan di pejabat Duta Besar Turki di Malaysia, hasil daripada cadangan TYT Dr. Merve Kavakci, suatu pertemuan telah diatur antara delegasi Darul Quran ke pejabat Yunus Emre Enstitüsü untuk berbincang dengan Dr. Omer Altun selaku Pengarah Yunus Emre Enstitüsü berkenaan peluang-peluang penyambungan pengajian pelajar lepasan Darul Quran ke universiti-universiti yang bersesuaian di Negara Turki dengan biasiswa tajaan dari Negara Turki. Kunjung hormat ini turut diadakan pada 26 Julai 2018.

Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ustaz Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman telah memberikan taklimat kepada Dr. Omer Altun berkenaan dengan DQ serta program-program pengajian yang sedang dijalankan seterusnya menyatakan hasrat DQ untuk mencari ruang kerjasama strategik antara dua belah pihak. Dalam perbincangan ini, Dr. Omer Altun mencadangkan agar pihak DQ memanjangkan hasrat peluang penyambungan pengajian pelajar ini kepada pihak T.C. Diyanet İşleri Başkanlığı di Turki melalui kontek yang diberikan olehnya.

Dalam perbincangan ini juga, pihak DQ turut bertanya berkenaan dengan program lain yang boleh dijalankan seperti kursus Bahasa Turki. Kursus seumpama ini boleh diambil melalui dua kaedah iaitu sama ada dengan mengikuti kursus yang disediakan oleh pihak Yunus Emre Enstitüsü ataupun kursus yang diurus setiakan oleh penganjur luar dengan tenaga penceramah dari pihak Yunus Emre Enstitüsü. Kunjung hormat dan perbincangan ringkas antara kedua belah pihak ini berakhir selepas sesi bergambar delegasi DQ bersama Dr. Omer Altun.



PENSYARAH DQ MENYERTAI DAURAH KITAB

Buat julung-julung kalinya, Pusat Pembangunan Kompetensi & Internship, Darul Quran JAKIM telah menganjurkan suatu program talaqqi kitab atau daurah kitab Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas kepada pensyarah-pensyarah DQ. Program yang diadakan pada 30 Julai 2018 ini telah disampaikan oleh pengarang buku Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas sendiri iaitu Ustaz Muhadir bin Haji Joll.

Program ini telah dirancang untuk diadakan berdasarkan lima objektif utama iaitu:

1. Memberi pendedahan kepada pensyarah dalam mewarisi kitab-kitab peninggalan ulama'-ulama' terdahulu sama ada kitab dalam Bahasa Arab atau Bahasa Jawi iaitu ilmu-ilmu berkaitan al-Quran dan Syariat Islam bagi pendedahan dakwah yang menyeluruh untuk kemajuan pendidikan negara.
2. Memberi nilai tambah kepada pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Menghidupkan budaya bertalaqqi secara berkitab.
4. Mendedahkan kepada pensyarah khususnya dan umat Islam amnya mengenai kewajipan beramal dengan ilmu daripada ahli agama Islam yang faqih.
5. Sebagai usaha tambahan untuk mewujudkan Darul Quran sebagai Institut Pengajian Tinggi yang berkualiti.

Daurah kitab ini berakhir selepas sesi pengijazahan Sanad Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah oleh Ustaz Muhadir Haji Joll yang bersambung kepada Imam Ahlus Sunnah Wal Jama'ah, Al-Imam Abu Hasan Al-Asy'ari (324H) dan sesi bergambar para pensyarah DQ dengan penceramah.



BENGKEL PENGUBALAN SOALAN PEPERIKSAAN

Seramai 45 orang peserta telah mengikuti Bengkel Pengubalan Soalan Peperiksaan Program Diploma bagi sesi pengajian Mei-September 2018 anjuran Unit Peperiksaan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kompetensi & Internship Darul Quran yang diadakan di Institut Latihan Sosial, Kuala Lumpur bermula 31 Julai hingga 2 Ogos 2018. Bengkel selama tiga hari ini diadakan adalah rentetan daripada cadangan Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Selain itu, ia juga bagi memenuhi keperluan Sasaran Kerja Strategik Darul Quran iaitu menyediakan khidmat latihan dan teknikal kepada agensi agama.

Terdapat dua sesi utama dalam bengkel ini iaitu Pembentangan Kertas Kerja dan Bengkel Pengubalan Soalan. Bagi pembentangan kertas kerja pula terdapat dua slot pembentangan iaitu Konsep Jadual Spesifikasi Ujian bagi Slot Satu dan Penjaminan Kualiti Pembinaan Soalan bagi Slot Dua. Kedua-dua pembentangan kerja kerja ini disampaikan oleh Pensyarah Jabatan Bahasa Universiti Malaya, Dr. Mohamad Azrien bin Mohamed Adnan.

Para peserta kursus yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Darul Quran dan Maahad Tahfiz Negeri menyatakan bahawa bengkel ini perlu diadakan setiap tahun sebagai pendedahan kepada pensyarah dalam membina soalan yang berkualiti serta memenuhi aras-aras soalan yang sepatutnya.



BULAN OGOS

EKSPLO KONVOKESYEN DQ DIRASMI

Ekspo konvokesyen Darul Quran yang bermula pada 8 Ogos 2018 telah selesai dirasmi pembukaannya pada 9 Ogos 2018. Majlis Perasmian Ekspo Sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-27 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan Jakim, Dato' Haji Paimuzi bin Yahya.

Dalam ucapan perasmiannya beliau berkata: *"Penganjuran ekspo ini secara tidak langsung akan memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk berkunjung dan mengenali Darul Quran dengan lebih dekat lagi. Dengan kata lain, ia adalah sebahagian daripada aktiviti bagi mempromosikan Darul Quran kepada masyarakat luar."* Selain itu, beliau turut menasihatkan kepada para pelajar agar tidak mengabaikan pelajaran biarpun dalam kesibukan meraikan ekspo pada tahun ini.

Majlis perasmian pada tahun ini telah menampilkan kelainan sebaik dimulakan apabila menggunakan lima pengacara majlis dengan lima bahasa yang berbeza. Saudari Nur Syamimi binti Samsuddin bagi pengacara Bahasa Melayu, Saudara Muhamad Firdaus bin Muhamad Shahir bagi pengacara Bahasa Arab, Saudari Maryam Zahraa' binti Baharudin bagi pengacara Bahasa Inggeris, Saudara Tan Mike Foong bagi pengacara Bahasa Mandarin dan Saudara Abdul Hannan bin Mohamad Ibrahim bagi pengacara Bahasa Tamil.

Pada tahun ini, DQ telah menggariskan tiga objektif utama ekspo iaitu:

1. Sebagai satu acara terulung dan kemuncak bagi meraikan para graduan dan keluarga masing-masing selepas tamat tempoh perjuangan dalam pengajian tahfiz di Darul Quran JAKIM;
2. Merupakan suatu program yang menyatukan semua pelajar tahfiz al-Quran dari seluruh instituti pengajian yang mempunyai kerjasama MoU dengan DQ; dan
3. Sebagai suatu platform dalam memasyarakatkan Darul Quran kepada orang awam khususnya penduduk sekitar Hulu Selangor.

Sejurus gimik perasmian, Dato' Haji Paimuzi telah dibawa melawat ke gerai-gerai dan tapak pameran. Selepas itu, beliau turut dibawa untuk menyaksikan Pertandingan Makan Durian yang disertai oleh para pegawai serta pelajar DQ. Acara terakhir ialah sesi melepaskan ikan untuk persediaan Pertandingan Memancing pada hari Ahad ke dalam Tasik Huffaz DQ. Ekspo Konvokesyen DQ pada tahun ini dijadualkan tamat pada 12 Ogos 2018.



Majlis Perasmian
Ekspo Konvokesyen
Darul Quran Kali Ke-27
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

© Unit Penerbitan & Dokumentasi

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (AGAMA) MERASMIKAN ISTIADAT KONVOKESYEN DQ KALI KE-27

Seramai 732 orang graduan dari semua program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran telah bergraduasi dalam sidang yang berlangsung pada 11 Ogos 2018. Majlis istiadat yang gilang-gemilang ini telah diadakan di Dewan Mukhtamar Darul Quran dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mujahid bin Yusof.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa kerajaan akan meneruskan dasar-dasar baik yang telah sedia ada seperti Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Di samping itu, kerajaan juga akan terus memperkasakan institusi tahfiz dalam Negara dengan menggalakkan kajian-kajian berkenaan pendidikan tahfiz sehingga Negara berjaya memperkenalkan Kaedah Hafazan Manhaj Malizie. Dalam masa yang sama, beliau juga akan berbincang dengan YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik, agar Darul Quran dapat menjalankan Program Ijazahnya sendiri biarpun masih dikawal selia oleh JAKIM berdasarkan peranan Darul Quran sebagai Ketua Teras Pengiktirafan Dan Pensijilan khusus dalam bidang tahfiz sebagaimana yang dipertanggungjawabkan melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

Dato' Dr. Mujahid juga turut sudi menyampaikan Sijil dan Diploma kepada semua graduan di samping anugerah-anugerah kecemerlangan seperti Anugerah Kecemerlangan Institusi, Anugerah Kecemerlangan Hafazan Al-Quran, Anugerah Pengerusi Lembaga Darul Quran, Anugerah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Anugerah Perdana Menteri.

Sejak penubuhannya pada tahun 1966 hingga 2017, Darul Quran telah melahirkan seramai 6,472 orang graduan huffaz (30 juzu') melalui Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sama ada dari kampus DQ atau MTQN, Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM dan Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-UNITEN. Jumlah graduan ini akan bertambah pada tahun ini menjadi 7,134 orang graduan huffaz dengan penambahan satu lagi program pengajian iaitu Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS. Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-27 ini adalah merupakan majlis istiadat kali pertama bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-CUCMS dan Program Sijil Asas Tahfiz, Kategori Pelajar Luar Negara (Vietnam).

Turut hadir dalam majlis istiadat pada tahun ini ialah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Tuan Haji Adly bin Zahari serta keluarga yang meraikan anak perempuan mereka bergraduasi dalam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.



BULAN SEPTEMBER

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI CHANGKAT BINTANG

Pada 8-9 September 2018, pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Semester Lima Syukbah Muamalat telah mengadakan program Wasilah Desaku: Ukhuwah Tanpa Sempadan di Perkampungan Orang Asli Changkat Bintang, Slim River. Program khidmat masyarakat ini adalah anjuran bersama Darul Quran dengan Penggerak Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor. Program ini bukan sahaja melibatkan pelajar-pelajar DQ, penduduk kampung Changkat Bintang dan Penggerak Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor, malah turut melibatkan ahli-ahli Persatuan Silat Gayong dan Kelab Bermotor Setia Wangsa.

Perasmian program Wasilah Desaku ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik DQ, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Penyelaras Penggerak Selangor, Ustaz Ashrap Muhammad bin Mat Salleh, Penggerak Kampung, Haji Ahmad bin Ismail, Ketua Jabatan Pengajian Umum DQ, ketua kampung, pengerusi JKK penduduk, pengerusi surau, JKK Slim River, Pengerusi Masjid Slim River, Pengerusi Persatuan Silat Gayong dan Pengerusi Kelab Motor Setia Wangsa.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang dua hari program ini ialah keluarga angkat, tahsin bacaan al-Quran dan solat, kelas belajar Bahasa Arab, sukaneka, Malam Kebudayaan Islam (persembahan nasyid), qiamullail, gotong-royong membersihkan surau dan senaman pagi. Objektif program ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar memberi khidmat bakti kepada masyarakat awam khususnya kepada penduduk Perkampungan Orang Asli Changkat Bintang. Di samping itu, para pelajar dapat belajar untuk bekerja secara berpasukan dengan membina ciri kepemimpinan dalam diri mereka.



DQ MENERIMA 41 ORANG PELAJAR BARU PROGRAM IJAZAH

Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM

Seramai 41 orang siswa baru telah mendaftar dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM bagi sesi kemasukan 2018-2021. Pengambilan pada sesi kali ini melibatkan 18 orang siswa dan 23 orang siswi dalam kalangan graduan Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran Jakim yang baru berkonvokesyen pada 11 Ogos 2018. Kesemua siswa siswi ini telah diraikan dalam suatu majlis sambutan pelajar baru yang diadakan pada 12 September 2018 dan majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin bin Haji Ghozali.

Dalam ucapan perasmianya beliau berkata, *“kebiasaannya siswa cemerlang memiliki tiga ciri dalam diri yang mendorong kepada kejayaan mereka. Pertama, pastinya cemerlang akademik dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif yang tinggi. Ini diikuti dengan mempunyai ciri kepemimpinan dan akhlak yang baik. Seterusnya, pelajar cemerlang juga perlu ada kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi kerana ia akan membentuk peribadi yang lebih mantap.”*

Beliau juga menegaskan bahawa ciri-ciri mahasiswa yang holistik ialah mahasiswa yang mempunyai sifat-sifat bersedia untuk memimpin, cenderung untuk menganalisis sesuatu situasi, mempunyai misi, wawasan serta matlamat yang jelas, bersedia merebut peluang, bersifat kreatif dan inovatif, yakin akan keupayaan diri dan berkebolehan untuk merancang.

“Sebenarnya, setiap individu berpotensi menjadi seorang siswa yang cemerlang dengan syarat perlu memperbaiki sikap dan bersedia untuk keluar daripada zon selesa. Sikaplah yang menjadi penentu kepada kecemerlangan atau kegagalan seseorang. Sikap tidak kisah, tidak ambil serius atau tidak ambil peduli, tidak perlu wujud dalam kamus seseorang yang bergelar mahasiswa,” katanya lagi.

Program kerjasama antara USIM dan Darul Quran ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 2009 dan tujuh kohort telah pun bergraduasi sejak program ini diperkenalkan. Siswa siswi yang diterima untuk mengikuti program ini mestilah terdiri daripada bekas graduan Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sama ada belajar di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu ataupun di Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri. Ketika ini, seramai 244 orang

graduan telah dihasilkan melalui program ini. Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Ijazah diakhiri dengan bacaan ikrar yang dilafazkan oleh siswa siswi baru, bacaan doa dan jamuan.



Majlis Sambutan
SAMBUTAN PELAJAR BARU
IAZAH SARJANA MUDA QURAN SUNNAH USIM-DQ SESI 2018
12 SEPTEMBER 2018 | DEWAN UKTAMAR DARUL QURAN JAKIM

BULAN OKTOBER

DQ MENERIMA KUNJUNGAN DARI INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN NEGARA BRUNEI

Dalam rangka lawatan ke Malaysia, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ilmiah dan mahabbah ke Darul Quran JAKIM pada 2 Oktober 2018. Lawatan ini telah disertai oleh 18 orang siswa siswi Program Aliyah Qiraat serta dua orang pegawai pengiring iaitu Ustaz Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku ketua rombongan dan Ustaz Muhammad Azim bin Haji Ali. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan oleh DQ.

Delegasi dari Brunei ini telah diraikan oleh pegawai-pegawai DQ yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Pengajian, Ustazah Kasumawati binti Kasim. Dalam ucapan aluannya, beliau telah mengalu-alukan kehadiran para tetamu serta mengucapkan terima kasih kerana sudi menjadikan DQ sebagai destinasi lawatan. Selepas itu, sesi taklimat berkenaan DQ pula telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan, Haji Mohd Najib bin Abdul Ghapar. Selepas sesi taklimat, delegasi pelawat telah dibawa melawat sekitar bangunan kampus. Antara destinasi yang dituju ialah kelas pelajar-pelajar Sijil Asas Tahfiz kategori OKU Penglihatan dan Muallaf.

Turut serta dalam sesi lawatan ini ialah Ketua Unit Kurikulum, Haji Mohd Nazri bin Abdullah dan ketua-ketua jabatan pengajian. Para tetamu dari Brunei berangkat pulang ke tempat penginapan di Putrajaya selepas sesi jamuan.



Lawatan Ilmiah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
ke Darul Quran Jakim
02 Oktober 2018 | Kuala Kubu Bharu

PEGAWAI DQ MENGADAKAN KUNJUNG HORMAT KE KEDUTAAN MOROCCO

Seramai enam orang pegawai Darul Quran diketuai Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin bin Haji Ghazali telah mengadakan kunjung hormat ke Kedutaan Besar Morocco di Malaysia pada 2 Oktober 2018. Delegasi DQ ini telah disambut oleh TYT Duta Muhammad ArRedha bin Khaldun. Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk melihat ruang-ruang kerjasama akademik yang boleh dijalinan antara dua buah negara khususnya dalam isu penyambungan pengajian pelajar DQ di peringkat Ijazah.

Perjumpaan ini telah dimulakan dengan ucapan dari Haji Salahuddin. Dalam ucapannya, beliau telah menyampaikan salam Yang Berusaha Pengarah, Dr. Haji Nordin bin Ahmad yang tidak dapat turut serta kerana terlibat dengan mesyuarat di JAKIM. Beliau juga telah menyatakan hasrat agar DQ dapat mengadakan kerjasama akademik di antara DQ dengan universiti-universiti yang bersesuaian di Morocco.

Sesi taklimat berkenaan DQ pula telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Antarabangsa, Ustaz Abadah Tawfik Al-Bahnasy. Diikuti dengan penerangan berkaitan Pentadbiran Hal Ehwal Islam dan Pengajian Islam di Morocco yang disampaikan oleh TYT Duta. Dalam ucapannya juga, TYT Duta turut menyatakan supaya pihak DQ dapat menghantar permohonan rasmi ke kedutaan untuk mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti di Morocco.

Kunjung hormat ini berakhir dengan sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar. Selain Timbalan Pengarah Akademik dan Pegawai Perhubungan Antarabangsa, delegasi DQ turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Mohamad Rahim bin Mohammed Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman bin Yaacub serta Ustazah Syarifah Nurolazan binti Shaikh Ahmad selaku pegawai Unit Mu'adalah & Akreditasi.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN ANTARA JAKIM DENGAN CUCMS

JAKIM melalui Darul Quran komited dalam meneruskan usaha untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan huffaz profesional di negara ini yang menguasai dua bidang iaitu al-Quran dan disiplin ilmu yang lain. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mujahid bin Yusof berkata, dalam memastikan matlamat itu dicapai, ia sudah semestinya memerlukan kepada pemantapan kurikulum, pengawalan penaziran serta pentaksiran yang amat teliti.

“Justeru, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) antara lain diterjemahkan dengan integrasi tahfiz dengan pendidikan nasional serta memartabatkan huffaz yang menjadi sebahagian unsur elemen penting dalam menyumbang kepada pembinaan negara. Ini visi dan misi dalam Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama dari sudut tahfiz dan segala perkara berkaitan operasinya,” katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) pada 8 Oktober 2018.

Pada majlis itu, beliau menyaksikan MoU ditandatangani oleh Presiden CUCMS, Profesor Datuk Dr. Mohamad bin Abdul Razak yang mewakili CUCMS dengan disaksikan oleh Timbalan Presiden Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni CUCMS, Profesor Dr. Abdul Latiff bin Mohamed. Manakala JAKIM pula telah diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim dengan disaksikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Mujahid berkata, beliau amat menyokong usaha JAKIM khususnya DQ dalam memperkasakan pendidikan tahfiz melalui kaedah kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi yang lain. Katanya, ia amat bertepatan dengan peranan DQ sebagai Ketua Teras Pengiktirafan dan Pensijilan khusus dalam bidang tahfiz sebagaimana dipertanggungjawabkan melalui DPTN. Beliau berkata, sejak tahun 2000, JAKIM melalui DQ amat komited dalam melahirkan golongan huffaz profesional sesuai dengan kehendak dan keperluan ummah serta negara.

“Pada tahun 2000, DQ memulakan program huffaz profesional bersama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) diikuti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 2012 dan CUCMS yang menjadi institusi pengajian ketiga bekerjasama dalam menjalankan program berkenaan. Selepas hampir enam tahun pelaksanaannya, dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM kali ke-27, CUCMS telah berjaya melahirkan produk

sulung mereka di mana seramai sembilan pelajar dianugerahkan Sijil Tahfiz Al-Quran JAKIM-CUCMS dan bakal bergelar doktor al-hafiz. Kejayaan ini bererti graduan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran mencecah seramai 1,790 huffaz profesional, hasil kerjasama tiga institusi pengajian ini,” katanya.



KURSUS PENSIJILAN P&P PENSYARAH DQ SIRI KE-4 SELESAI DIRASMI

Bagi memenuhi hasrat Darul Quran dalam memperkasakan kompetensi pensyarah yang dicadangkan menerusi Pelan Strategik Darul Quran JAKIM, Kursus Pensijilan Pembelajaran & Pengajaran Pensyarah kerjasama antara DQ dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah diadakan bermula dari 15 hingga 26 Oktober 2018. Perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad pada 15 Oktober 2018 bertempat di Dewan Dato' Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Dalam ucapan perasmiannya beliau memaklumkan bahawa hasil perbincangan antara DQ-UPSI, beberapa modul utama akan diterapkan kepada para peserta sepanjang kursus ini berlangsung iaitu Pembelajaran dan Pengajaran Pengajian Tinggi Malaysia, Memahami Pelajar, Rekabentuk Kurikulum Pengajian Tinggi, Pengajaran Berkesan, Penilaian dan Penaksiran, Penyeliaan dan Penasihat Akademik, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Konsep 5MIM Sebagai Seorang Pensyarah Berwibawa.

Kursus ini dijalankan berdasarkan tiga peringkat iaitu kursus bersemuka yang diadakan selama 10 hari yang melibatkan beberapa modul, tugas individu atau kumpulan yang akan dilakukan oleh peserta kursus dan diserahkan semula kepada pihak urusetia 1 bulan dari tarikh soalan tugas diberikan dan pencerapan pengajaran ke atas peserta kursus yang akan dilakukan sebanyak dua kali oleh pensyarah berpengalaman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kursus P&P Pensyarah Siri ke-4 ini telah disertai oleh 15 orang pensyarah DQ dan 12 orang pensyarah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) iaitu dari Institut Al-Quran Saidina Ali Melaka (IQSA), MTQN Kelantan, Institut Tahfiz Al-Quran Sabah (ITQAS), MTQ ADDIN, Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) dan Institut Pengajian Islam Kemaman (INSPI).

Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah Penyelaras Unit Inovasi Pengajaran & Pembelajaran UPSI, Dr. Suliana binti Sulaiman, Pengarah ILIM, Hajah Zaiton binti Abdul Rahman dan Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz DQ, Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik.



119 CALON DUDUKI UJIAN STM 2018 SIRI 2

Seramai 119 orang calon Sijil Tahfiz Malaysia (STM) daripada 174 permohonan bagi tahun 2018 telah hadir untuk mengambil ujian tersebut bagi sesi kedua tahun ini. Sesi kedua ini diadakan berikutan banyak permintaan daripada masyarakat biarpun perancangan untuk mengadakan ujian STM ini hanya setahun sekali. Ujian STM Siri 2 ini telah diadakan pada 17 Oktober 2018 dan diadakan secara berpusat di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu.

Sesi ujian STM telah dimulakan dengan ujian Hifz Al-Quran Syafawi. Setiap calon akan disoal secara lisan sebanyak 10 soalan merangkumi 30 juzu' al-Quran secara rawak. Di samping itu, ujian bertulis bagi soalan Hifz Al-Quran Tahriri serta Pengetahuan Agama Islam yang merangkumi komponen subjek Tajwid, Fiqh Ibadah dan Aqidah pula telah diadakan bermula pada jam 2:30 petang hingga 5:00 petang.

STM 2018 Siri 2 ini merupakan sesi ujian kali ke sepuluh yang diurus setiakan oleh Darul Quran sejak kali pertama ianya diperkenalkan pada tahun 2011. Ia diperkenalkan adalah bertujuan untuk mengiktiraf individu-individu yang telah menghafaz 30 juzu' al-Quran serta tidak memperolehi pengiktirafan dari mana-mana institusi. Ia juga bertujuan bagi mengelakkan sesetengah individu menyalahgunakan gelaran "Al-Hafiz" pada nama mereka.

Ketika ini, STM diterima pakai sebagai salah satu "dokumen sokongan" bagi permohonan Guru Tahfiz di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang ditawarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ BERMULA DENGAN TAKLIMAT DARI PENGARAH JAIPK

Pada 24 Oktober 2018, secara rasminya telah bermula Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 bertempat di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh. Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak telah dipilih dalam persidangan kali ke-34 yang lalu untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan kali ini.

Persidangan kali ini telah dimulakan dengan sesi taklimat daripada YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin. Pengisian taklimat beliau adalah berkenaan dengan perkembangan tahfiz, permasalahan serta isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan tahfiz.

Sebanyak 15 kertas yang dibahaskan dalam sesi persidangan kali ke-35 ini. Enam daripadanya ialah kertas-kertas cadangan, empat kertas laporan dan lima kertas makluman yang berkaitan dengan hal-hal akademik, ko-kurikulum serta perkara-perkara lain yang melibatkan kerjasama antara DQ-MTQN. Persidangan kali ini akan diadakan dengan dua sesi dan dijadualkan akan berakhir pada 25 Oktober 2018.

PERSIDANGAN
PENGETUA-PENGETUA
MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-35



**YDP MAIPk MERASMIKAN PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ
KALI KE-35**

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 yang bermula pada 2:30 petang 24 Oktober 2018 telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Majlis Perasmian yang diadakan di Hotel Kinta Riverfront Ipoh ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin.

"Persidangan tahunan ini juga tentunya amat penting kerana tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja berkesempatan untuk bersua muka dan mengeratkan silaturrahim dengan rakan sejawat, malah dapat mencetuskan kebijaksanaan baru (new wisdom) yang relevan dengan peranan dan tanggungjawab kepimpinan pendidikan. Saya percaya, persidangan pada kali ini dapat mewujudkan ruang perbincangan yang menyentuh pelbagai isu pendidikan tahfiz khususnya yang melibatkan Program Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat," kata Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid dalam ucapan perasmiannya.

Kata beliau lagi, *"sesungguhnya pengurus pendidikan tahfiz mempunyai kebertanggungjawaban sosial yang tinggi terhadap pelajar bahkan masyarakat amnya. Oleh itu, aspek kualiti dan kecemerlangan mesti menjadi fokus utama dalam setiap ruang mendidik pelajar. Bahkan pendidikan ini tidak terhenti semata-mata dengan kuliah malah meliputi aspek adab dan kesediaan berkhidmat untuk agama."*

"Selain daripada itu, kualiti pelajar hanya akan terjana menerusi amalan pengurusan yang berkualiti dan beretika serta mementingkan budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Kita sedar bahawa kualiti bukanlah satu destinasi tetapi satu perjalanan berterusan. Idea yang digarap dan usaha yang dijana akhirnya kita serahkan kepada Allah SWT untuk menentukan hasilnya. Tidak lain dan tidak bukan ia dilakukan untuk meraih keredaan Yang Maha Esa."

Di akhir ucapannya, beliau juga turut menyatakan harapan agar semua ahli persidangan menggunakan segala kesempatan dan ruang perbincangan ini untuk menghasilkan natijah yang boleh dijadikan garis panduan dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan tahfiz. Majlis perasmian ini berakhir selepas sesi penyampaian cenderamata dan jamuan makan.



PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ KALI KE-35 MELABUHKAN TIRAI

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35 yang berlangsung selama dua hari bermula semalam telah melabuhkan tirainya pada 25 Oktober 2018. Kedua-dua sesi persidangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad. Kesemua ahli persidangan bersetuju bahawa segala keputusan yang dibahaskan dalam sesi persidangan kali ini akan dibawa ke institusi tahfiz masing-masing untuk diambil tindakan selanjutnya.

Sebagai agenda terakhir yang dijadualkan dalam persidangan kali ini ialah lawatan mahabbah semua ahli persidangan ke Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat ruang-ruang kerjasama akademik yang mungkin boleh diadakan antara pihak universiti dengan DQ serta MTQN khususnya melibatkan pelajar-pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat.

Delegasi pelawat telah disambut oleh pegawai-pegawai dan pensyarah USAS yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Hal Ehwal Pelajar, Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof. Dalam ucapannya, beliau mengalu-alukan kedatangan kesemua ahli persidangan dan berharap agar ukhuwah yang dijalinkan ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang dalam kerangka agenda yang lebih besar. Lawatan mahabbah ini berakhir dengan sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.

Dengan berakhirnya sesi lawatan ini bererti tamatlah sudah Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-35. Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Kali Ke-36 tahun hadapan diputuskan untuk adakan di Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS).



LIMA ORANG PELAJAR DQ DINOBT SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH SYAHADAH ITHBAT HAFAZAN AL-QURAN

Seramai lima orang pelajar daripada Program Tahfiz Profesional atau Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM bakal dianugerahkan dengan Syahadah Ithbat Hafazan Al-Quran Darul Quran JAKIM bagi tahun 2018. Penganugerahan ini akan disampaikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim dalam Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM bagi Bulan Oktober Tahun 2018 pada 26 Oktober 2018.

Syahadah Ithbat Hafazan Al-Quran ini merupakan suatu kaedah pengujian 30 juzu' al-Quran melalui kaedah tasmi' bacaan hafazan al-Quran di hadapan panel yang dilantik daripada kalangan Pensyarah Tasmi' Darul Quran dengan tempoh khatam kurang dari 24 jam atau tempoh khatam hafazan paling maksimum ialah selama tiga hari. Penyertaan Syahadah Ithbat ini terbuka kepada mana-mana pelajar Darul Quran JAKIM dan Darul Quran mensasarkan sekurang-kurangnya lima orang peserta akan terlibat pada setiap tahun. Antara objektif pemberian anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang menunjukkan prestasi yang luar biasa dalam hafazan al-Quran.

Lima orang penerima anugerah Syahadah Ithbat Hafazan Al-Quran tersebut ialah Nur Zainatul Aiman Mohd Nor Azam, Nurfatin Syahirah Mohd Asri, Nurhidayah Noorhadi, Siti Ameerah Fauzi dan Muaz Mohd Radzi. Kesemua penerima akan dianugerahkan dengan sijil kecemerlangan berserta hadiah iringan.

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KURSUS PENSIJILAN PEMBELAJARAN & PENGAJARAN (PdP) PENSYARAH

Sebagai menghargai komitmen 29 orang pensyarah DQ serta MTQN yang telah menyertai Kursus Pensijilan Pembelajaran & Pengajaran (PdP) Pensyarah pada 9 hingga 21 Oktober 2017, UPSI dengan kerjasama DQ telah mengadakan Majlis Penyerahan Sijil kursus pada 29 Oktober 2018 bertempat di Dewan Banquet, Bangunan e-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Penyerahan sijil-sijil penyertaan ini telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UPSI, Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani bin Hamzah. Majlis ini turut disertai oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim yang telah menyampaikan sijil-sijil kecemerlangan kepada para peserta cemerlang. Tiga orang peserta cemerlang telah terpilih dalam Kursus PdP Siri Ke-3 ini iaitu Ust. Norzila binti Che Harun dari DQ, Us. Mohd Yusof bin Roshidi dari Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) dan Us. Wan Abu Bakr bin Wan Ibrahim dari MTQN Kelantan.

Kursus yang telah dilaksanakan selama 10 hari ini melibatkan beberapa komponen pemarkahan seperti komitmen kelas, kerja kursus individu, kerja kursus berkumpulan dan dua sesi pencerapan. Segala keputusan pemarkahan pula akan dinilai dalam Mesyuarat Perbentangan Laporan Kursus Pensijilan Pembelajaran & Pengajaran Pensyarah Darul Quran serta MTQN yang dipengerusikan oleh Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin bin Ahmad sebelum para peserta kursus disahkan layak menerima sijil.

Sehingga kini kursus ini telah dilaksanakan sebanyak empat siri iaitu siri pertama yang diadakan pada 16 November 2015 hingga 1 Disember 2015 dengan penyertaan 16 orang peserta, siri kedua pada 10 hingga 25 Oktober 2016 yang melibatkan seramai 18 orang peserta, siri ketiga pada 9 hingga 21 Oktober 2017 dan siri keempat pada 15 hingga 26 Oktober 2018 yang melibatkan 27 orang pensyarah dari DQ serta MTQN. Jumlah keseluruhan pensyarah DQ dan MTQN yang telah menyertai kursus ini dari siri pertama sehingga siri keempat adalah seramai 90 orang pensyarah.





BULAN NOVEMBER

MISI KE ACEH BERJAYA

Program Kerjasama Dua Hala Antara Darul Quran JAKIM Bersama Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh

Delegasi DQ yang terdiri daripada lima orang pegawai telah berjaya melaksanakan misi untuk mengadakan kerjasama dua hala antara Darul Quran bersama Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Aceh. Lawatan ke Banda Aceh ini telah diadakan pada 11 hingga 15 November 2018. Pengarah, Dr. Haji Nordin Ahmad, Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Ustaz Mohamad Zamri Mohamed Shapik, Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin Ghozali, Penolong Pengarah Kanan Unit Alumni & Dewan Huffaz, Ustaz Mohamad Zaki Ibrahim serta Penolong Pengarah Unit Muadalah & Akreditasi, Ustazah Syarifah Nurolazan Shaikh Ahmad.

Sejak tahun 2015, seramai hampir 29 orang pelajar lepasan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang khususnya dalam Pengajian Islam di Universitas Ar-Raniry. Maka atas faktor tersebut pertemuan dengan pihak universiti ini diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan jaringan kerjasama yang melibatkan akademik melalui perjanjian persefahaman antara kedua belah pihak bagi memudahkan urusan kemasukan pelajar DQ serta pemindahan jam kredit di universiti berkenaan bagi memendekkan tempoh pengajian di sana.

Dalam rangka lawatan kerja ke Universitas Islam Negeri Ar-Raniry ini, delegasi DQ turut mengambil kesempatan mengadakan beberapa aktiviti lain seperti mengadakan lawatan ke Maahad Daarut Tahfiz Al-Ikhlas, pertemuan bersama pelajar Malaysia di Banda Aceh, lawatan ke Kantor Kementerian Agama (KEMENAG) Indonesia, lawatan ke Kantor Majelis Ulama Indonesia (MUI), lawatan ke Pondok Pasentran Dayah Sulaimaniyah serta kunjungan ke Pusat Islam dan Pustaka Masjid Baiturrahman.

Darul Quran turut mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Muhammad Naqzrul Azraf Mhd Nazarludin selaku Atase JAKIM di Indonesia yang banyak membantu DQ dalam menjayakan misi ini.



KERJASAMA KPM-DQ TERMETERAI

Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Penganugerahan Sijil Tahfiz KPM Antara KPM Dengan JAKIM

Tanggal 19 November 2018 bertempat di bangunan Parlimen menjadi sejarah apabila dua Yang Berhormat Menteri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof dan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik telah menyaksikan dokumen nota kerjasama Antara Kementerian Pendidikan Malaysia yang diwakili oleh Lembaga Peperiksaan Dengan JAKIM Menganugerahkan Sijil Tahfiz KPM. Di pihak JAKIM, nota kerjasama ini telah ditandatangani oleh Timbalan Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Paimuzi bin Yahya yang mewakili Datuk Ketua Pengarah JAKIM sementara di pihak KPM pula telah ditandatangani oleh Tuan Haji Adzman bin Talib selaku Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan KPM.

Menurut Datuk Seri Dr. Mujahid: *"Bermula pada tahun 2014, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan tiga buah sekolah yang menjadi pelopor kepada pelaksanaan KBT ini iaitu Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong Pahang, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah."*

"Pada tahun ini, seramai 417 calon dari tiga buah sekolah ini telahpun menduduki SPM dan jumlah ini akan meningkat lagi pada tahun 2019 dengan pertambahan 16 buah sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) lagi."

"Justeru, bertitik tolak daripada hasil beberapa siri perbincangan antara pihak Lembaga Peperiksaan (LP) dengan DQ JAKIM sejak 30 Mac 2017, maka kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menganugerahkan Sijil Tahfiz KPM kepada pelajar-pelajar Tingkatan Lima yang mengikuti KBT serta telah tamat hafazan al-Quran 30 juzu' di samping Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sedia ada. Bagi pelajar yang masih belum mencapai hafazan 30 juzu' pula hanya akan diberikan Pernyataan Prestasi Hafazan mengikut juzu' yang telah dihafaz."

Di akhir ucapannya, beliau turut menyatakan: *"Melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), DQ telah diamanahkan bagi mengetuai teras 5 iaitu 'Mewujudkan Badan Khusus Bagi Mengawal Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan Institusi Tahfiz di Malaysia'. Tanggungjawab ini jelas menunjukkan bahawa DQ JAKIM mempunyai keupayaan dalam mengendalikan institusi pengajian tahfiz al-Quran dan seharusnya dimartabatkan dengan*

menyokong usaha DQ ke arah menaik taraf sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Tahfiz. Mudah-mudahan hasrat untuk menubuhkan sebuah Universiti al-Quran yang pertama di Malaysia yang dikawal selia sepenuhnya oleh JAKIM berjaya direalisasikan. Semoga pihak KPM juga turut dapat membantu DQ bagi merealisasikan hasrat murni ini.”

Antara aspek kerjasama yang disepakati dalam nota kerjasama KPM-JAKIM ini adalah melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan instrumen pentaksiran, jaminan kualiti, penentuan standard skor peperiksaan serta hal-hal berkaitan pengurusan penganugerahan sijil kepada semua calon yang layak.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Setiausaha KPM, Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan Pendidikan) KPM, Dr. Habibah binti Abdul Rahim, Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad serta pegawai-pegawai dari DQ serta KPM.





DQ MENGANJURKAN KONVENSYEN FALAK 2018

Konvensyen Falak Darul Quran 2018 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya pada 23 November 2018. Konvensyen yang julung-julung kalinya diadakan ini bertemakan "Meneroka Cakerawala Menghayati Sunnatullah" bertujuan memantapkan pemahaman serta kesedaran tentang kepentingan ilmu astronomi yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, konvensyen ini juga menyuburkan rasa kecintaan terhadap ilmu falak ke dalam jiwa warga Darul Quran sebagai salah satu daripada tuntutan fardhu kifayah, seterusnya menambahbaik penguasaan dan penghayatan tentang ilmu falak melalui slot ceramah serta permainan.

Pada hari tersebut, pihak penganjur telah menjemput dua orang pakar dalam bidang falak serta disiplin ilmu iaitu YBhg. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin, Panel Pakar Falak JAKIM yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*Penerokaan Angkasa Dan Penemuan Terbaru Dalam Dunia Astronomi*". Sementara seorang lagi panel ialah Ustaz Hardi bin Mohamad Sadali, Penolong Mufti Kanan Falak Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah membentangkan dua kertas kerja iaitu kupasan berkaitan "*Isu-Isu Falak Semasa*" dan kertas kerja kedua pada sebelah malam yang bertajuk "*Keperluan Taqwim Qamari Dalam Ibadat*". Konvensyen Falak ini turut dihadiri oleh Unit Falak Jabatan Mufti Selangor, Unit Falak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Unit Falak Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah dijemput bagi mengadakan pameran falak serta panduan tunjuk arah kiblat sebenar.

Majlis perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Pengarah DQ. Selain itu, pada majlis tersebut, DQ dengan rasminya telah berjaya menerima lebih daripada 100 penyertaan ahli Kelab Falak Darul Quran yang pertama kalinya ditubuhkan bersempena dengan konvensyen ini.

Pada sebelah petang, satu aktiviti eksplorasi dan permainan falak telah diadakan di sekitar Tasik Huffaz Darul Quran. Aktiviti ini telah disertai oleh 100 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Darul Quran. Eksplorasi yang mencabar pemikiran dan fizikal ini telah dipandu arah oleh sekumpulan fasilitator berpengalaman yang dijemput khas dari Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kemuncak kepada konvensyen kali ini adalah pencerapan langit malam yang diadakan di perkarangan Pusat Islam DQ. Bersempena fenomena bulan penuh pada malam tersebut,

para tetamu mengambil peluang untuk bersama-sama menikmati keindahan alam ciptaan Allah SWT dengan menggunakan teleskop yang dibawa oleh Unit Falak Jabatan Mufti Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dipancarkan terus ke skrin utama yang mana dapat disaksikan oleh semua tetamu yang hadir.

Konvensyen yang julung-julung kali diadakan ini dianggarkan telah disertai oleh hampir 800 orang peserta yang terdiri daripada pelajar DQ dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN), kakitangan DQ serta masyarakat awam sekitar Kuala Kubu Bharu Selangor.





BULAN DISEMBER

PERKEMAT DQ TERIMA 15 UNIT KAYAK SUMBANGAN MRSM KUALA KUBU BHARU

Bagaikan aur dan tebing. Begitulah diibaratkan hubungan antara DQ dan Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kubu Bharu. MRSM yang diwakili oleh Encik Mohd Nor Jantan telah menyerahkan sebanyak 15 unit kayak milik MRSM Kuala Kubu Bharu yang dilupuskan secara hadiah kepada Yang Di Pertua Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz Darul Quran (PERKEMAT DQ) Saudara Muhammad Amirul Syafiq Muhamad Fadil. Penyerahan sumbangan yang diadakan pada 19 Disember 2018 ini turut disaksikan oleh wakil pengurusan tertinggi DQ, Encik Azizuddin Mohd Hashim selaku Pendaftar, Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Kamarul Saman Yaakob dan beberapa orang pegawai dari MRSM.

Di kelilingi oleh kecantikan tasik yang indah, DQ telah lama menjadikan aktiviti berkayak sebagai aktiviti rutin sama ada dalam program induksi pelajar baru atau Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM), Ekspo Konvokesyen dan Ihtifal Huffaz. Sebelum ini, rakan strategik DQ dari agensi sekitar seperti MRSM, Kem Bina Semangat dan Pusat Ko-Kurikulum Kuala Kubu sentiasa bermurah hati meminjamkan peralatan kayak untuk setiap kali program tersebut berlangsung.

Penolong Pengarah Kanan Unit Kemahiran Insaniah DQ, Ustaz Ahmad Dasuki Hashim menyatakan hasrat untuk menubuhkan Kelab Kayak DQ tercapai dengan penyerahan sumbangan tersebut. Selain kayak, DQ juga menerima sumbangan basikal daripada orang ramai untuk kegunaan para pelajar bagi tujuan ke kelas pengajian serta aktiviti riadah. Semoga segala sumbangan yang diberikan ini mendapat ganjaran pahala daripada Allah Taala.



PERANCANGAN KERJA TAHUNAN 2019 DQ BERJAYA DIRANGKA

Pada 26 hingga 28 Disember 2018, Unit Penyelidikan & Inovasi telah mengurus setiakan Bengkel Perancangan Kerja Tahunan 2019 Darul Quran JAKIM. Bengkel yang diadakan selama tiga hari ini telah diadakan di The Orient Star Resort, Lumut Perak. Ahli-ahli bengkel yang terlibat terdiri daripada ketua-ketua cawangan, jabatan dan unit-unit di Darul Quran. Bengkel ini dikendalikan sendiri oleh Pengarah DQ, Dr. Haji Nordin Ahmad.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan program-program dan aktiviti-aktiviti antara setiap cawangan di DQ agar tidak berlaku pertembungan program serta tarikh. Antara pengisian bengkel ini ialah dengan setiap cawangan membentangkan perancangan program dan aktiviti masing-masing mengikut bulan bagi tahun 2019 bermula daripada bulan Januari hingga Disember.

Setelah tiga hari berbincang, akhirnya perancangan aktiviti dan program DQ bagi tahun 2019 berjaya dirangka. Bengkel ini telah berjaya mencapai objektif utamanya iaitu menyediakan Kalendar Program dan Aktiviti Darul Quran Tahun 2019.



TOKOH-TOKOH BIDANG AL-QURAN MALAYSIA BERBENGKEL BAGI MEMPERHALUSI PERANAN LAJNAH SYUYUKH HUFFAZ DI BAWAH DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA

Tokoh-tokoh dalam bidang Tahfiz al-Quran di Malaysia dari pelbagai agensi dan institusi telah menyertai bengkel yang diadakan pada 26 hingga 28 Disember 2018 bertempat di The Orient Star Resort, Lumut Perak. Bengkel yang dijalankan selama tiga hari ini merupakan anjuran bersama antara Darul Quran JAKIM dan Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya.

Bengkel yang pernah diadakan beberapa siri sebelum ini dianjurkan selaras dengan hasrat kerajaan yang dizahirkan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Fuziah Saleh dalam sidang Dewan Rakyat yang bersidang pada 28 November 2018, untuk mewujudkan Majlis Tahfiz Negara yang berperanan memantau dan mengawal segala aspek yang berkaitan dengan bidang pendidikan tahfiz meliputi tadbir urus, pembangunan kurikulum, pengiktirafan huffaz, kod etika tahfiz, pensijilan tahfiz, penggunaan pelbagai gelaran dalam bidang tahfiz, termasuk aspek penilaian serta pengujian.

Antara nama-nama peserta yang terlibat seperti Syeikh al-Maqari Ustaz Othman Hamzah, Dr. Sabri Mohamad (Ketua Jabatan Pengajian Quran & Sunnah UKM), Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad (Pengarah Pusat Islam USIM), Prof. Madya Dr. Abd Rahman Abd Ghani (Pensyarah Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains & Kemanusiaan UPSI), Ustaz Mohamad Hanafizi Abdullah (Imam Besar Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan), Ustaz Kadri Abdul Hamid (Pengetua Institut Al-Quran Darul Aman), Ustaz Muhamad Shafie Ismail (Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia), Syeikh Abdel Mohaimen Sayed Aly Abdelmaguid dan abangnya Syeikh Mohamed Sayed Aly Abdelmaguid. Selain itu, bengkel ini turut disertai oleh wakil-wakil NGO seperti dari Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA), wakil Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran (PINTA) Kebangsaan serta PU Hafiz yang mewakili Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS).

Resolusi bengkel yang telah dicapai telah dibacakan oleh Dr. Ahmad Yussuf, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dalam majlis penutup yang diadakan pada hari terakhir bengkel. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff selaku Pengarah Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya.



DQ MENERIMA TETAMU DARI TAMIL NADU INDIA DI HARI TERAKHIR TAHUN 2018

Kunjungan Hormat Madrasa Al-Baqiyathus Salihath Vellore, Tamil Nadu India ke Darul Quran JAKIM

Sehari sebelum tahun baru 2019 menjelang, Darul Quran telah menerima kunjungan hormat tetamu istimewa dari Tamil Nadu India. Delegasi dari Madrasa Al-Baqiyathus Salihath, Vellore seramai lima orang ini turut disertai oleh Prof. Dato' Dr. Sidek Baba, Profesor di Kulliyah of Education Islamic International University Malaysia (IIUM) yang juga merangkap sebagai Ahli Lembaga Darul Quran serta anak beliau, Encik Kamarul Ikram Sidek . Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk berkongsi pengalaman berkaitan pelaksanaan program pengajian tahfiz al-Quran.

Para tetamu ini telah diraikan oleh Pengarah DQ sendiri, Dr. Haji Nordin Ahmad serta sembilan orang pegawai DQ terdiri daripada Timbalan Pengarah Akademik, Pendaftar, KPP Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, KPP Hal Ehwal Pelajar, KJ Tahfiz Al-Quran dan Pegawai Perhubungan Awam DQ. Sementara delegasi pelawat terdiri daripada tenaga pengajar serta staf di Madrasa Al-Baqiyathus Salihath iaitu Mr. Meezan Muhaideen, Mr. S.A Kaja Shazeef, Mr. S.A Zakariya dan Mr. Mohamed Nazeeb Ali. Seorang lagi pelawat, Mrs. Jessima binti Amulraj merupakan pelajar PHD di IIUM.

Dalam ucapan aluan Dr. Haji Nordin, beliau telah mengalu-alukan kedatangan para pelawat serta telah menerangkan serba ringkas berkenaan pengalaman DQ dalam pengambilan pelajar dari luar negara yang bermula sejak tahun 1977 dengan pengambilan dua orang pelajar dari Thailand. Sejak tahun tersebut hingga kini, DQ pernah mengambil pelajar luar negara dari Singapura, Indonesia, Brunei, Kemboja, Maldives, Ghana, Filipina dan Vietnam untuk semua program pengajian di DQ. Bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, DQ perlu mengambil paling minimum atau sekurang-kurangnya 13 orang pelajar luar negara bersamaan 5% daripada jumlah keseluruhan bagi satu-satu kohort pengambilan.

Delegasi pelawat turut diberi taklimat berkenaan DQ yang telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Haji Mohamad Rahim Mohammed Abdul Rahman sebelum sesi perbincangan antara kedua belah pihak. Perbincangan yang berlangsung selama hampir satu setengah jam ini berakhir selepas bacaan doa daripada Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin Ghozali dan sesi penyampaian cenderamata kepada wakil pelawat.

